



buletin Mutiara

PERCUMA



1 – 15 OKTOBER 2012

[f http://www.facebook.com/buletinmutiara](http://www.facebook.com/buletinmutiara)
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

"Bajet 2013, Pulau Pinang apa pun takde"- KM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB & NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN - Bajet 2013 yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini memperuntukkan hanya 70 unit atau kurang 0.5 peratus daripada jumlah keseluruhan lebih 20,000 unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang bakal dibina di seluruh negara kepada negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam reaksinya berkata, Pulau Pinang merupakan antara negeri penyumbang kutipan cukai yang tinggi kepada kerajaan persekutuan.



"Adakah kita (Pulau Pinang) hanya dapat satu blok bangunan PPR? Bajet 2013 adalah amat mengecewakan untuk kita (Pulau Pinang) kerana kita (Pulau Pinang) apa pun takde – tiada pelabuhan bebas, pengangkutan awam (MRT) atau PPR yang cukup.

"Malah, di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN) dulu, Pulau Pinang selalu dilayan sebagai anak tiri," kata beliau pada sidang media dekat *Whiteaways Arcade*, Lebuhraya Pantai di sini baru-baru ini.

Guan Eng menambah, dari tahun 2001 hingga 2008, kutipan cukai negeri Pulau Pinang oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) adalah berjumlah RM25,670 juta, namun, hanya tiga peratus diperoleh semula daripada jumlah sumbangan berkenaan.

"Pulau Pinang adalah negeri keempat penyumbang kutipan cukai terbanyak iaitu RM19,147 juta bagi LHDN dan KDRM (RM6,523 juta) menjadikan jumlah keseluruhan RM25,670 juta.

"Namun, Pulau Pinang dalam tempoh

tersebut (tahun 2001 hingga 2008) hanya menerima RM794 juta sahaja peruntukan daripada kerajaan pusat, iaitu jumlah pemberian ketiga paling kecil yang diterima negeri-negeri selepas Melaka (RM620 juta) dan Perlis (RM563 juta)," jelas beliau.

Tuntas dari itu, katanya, peratusan pemberian daripada kutipan menyaksikan Pulau Pinang adalah negeri paling sedikit mendapat manfaat daripada kerajaan pusat, iaitu sebanyak tiga peratus sahaja.

"Kita (Pulau Pinang) adalah antara lima negeri yang paling banyak menyumbang (dana) kepada kerajaan pusat, tetapi, kita (Pulau Pinang) terima paling sedikit

pemberian jika dihitung secara peratusan pemberian daripada kutipan yang kita beri kepada (kerajaan) pusat," ujar beliau.

Guan Eng berkata demikian berdasarkan jawapan bertulis Dewan Rakyat daripada soalan Ahli Dewan Undangan Selayang, William Leong Jee Keen kepada Menteri Kewangan bertarikh 19 Oktober hingga 15 Disember 2009.

Kenyataan akhbar Guan Eng di Kuala Lumpur pada 20 Mac lalu menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah menghantar surat kepada Perdana Menteri bagi menuntut layanan setimpal iaitu menambahkan peruntukan daripada RM2.88 billion di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) kepada lebih RM7.2 billion.

"Memandangkan bahawa RMK-10 telah ditambah sebanyak 10 peratus berbanding RMK-9, maka, jumlah peruntukan untuk Pulau Pinang juga harus ditambah 10 peratus daripada RM6.54 bilion di bawah RMK-9 kepada RM7.2 bilion di bawah RMK-10.

"Kegagalan kerajaan persekutuan

Kutipan Cukai Oleh LHDN & KDRM Dari Setiap Negeri Bagi Tahun 2001 – 2008.

Bil.	Negeri	Kutipan LHDN (RM juta)	Kutipan KDRM (RM juta)	Kutipan (RM juta)
1	Wilayah Persekutuan	350,259	58,953	409,212
2	Selangor	21,012	62,498	83,510
3	Johor	19,126	12,196	31,322
4	Pulau Pinang	19,147	6,523	25,670
5	Sarawak	16,621	7,489	24,110
6	Sabah	12,855	2,265	15,120
7	Perak	9,469	4,216	13,685
8	Melaka	4,194	5,455	9,649
9	Terengganu	1,584	7,082	8,666
10	Negeri Sembilan	3,192	5,316	8,508
11	Kedah	3,478	3,198	6,676
12	Pahang	2,989	3,033	6,022
13	Kelantan	1,154	322	1,476
14	Perlis	438	944	1,382

Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2001 hingga 2008.

Bil.	Negeri	Pemberian (RM juta)	% Pemberian
1	Sabah	3,597	23.79
2	Selangor	2,834	3.4
3	Sarawak	2,666	11
4	Johor	1,801	5.7
5	Perak	1,735	12.7
6	Kedah	1,588	23.79
7	Kelantan	1,458	98.8
8	Pahang	1,357	22.5
9	Terengganu	1,167	13.5
10	Negeri Sembilan	871	10.2
11	Pulau Pinang	794	3
12	Melaka	620	6.4
13	Perlis	563	40.7
14	Wilayah Persekutuan	N/A	

berbuat demikian akan dilihat sebagai tindakan terus meminggirkan rakyat Pulau Pinang atau diskriminasi terhadap negeri

Pulau Pinang hanya kerana rakyat negeri ini telah memilih secara demokrasi Pakatan Rakyat untuk memerintah Pulau Pinang," tegasnya.

Tidak cukup dengan itu, beliau berkata, kerajaan persekutuan harus ingat bahawa Pulau Pinang memberikan sumbangan signifikan dalam pembayaran cukai dan

duti kepada kerajaan persekutuan.

"Pulau Pinang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan menarik pelaburan ke Malaysia dan Pulau Pinang.

"Ini ketara dibuktikan dengan pencapaian cemerlang Pulau Pinang menjadi jaguh pelaburan di Malaysia secara dua tahun berturut-turut dengan RM12.24 billion dalam tahun 2010 dan RM9.1 billion dalam tahun 2011," kata Guan Eng.

Belanjawan PR inovatif berbanding Bajet 2013 - Ahli akademik

GEORGE TOWN - Ahli akademik terkemuka, Dr. Ong Kian Ming berpendapat bahawa belanjawan alternatif yang dikemukakan oleh Pakatan Rakyat (PR) jelas menyediakan pendekatan jangka panjang serta lebih inovatif berbanding Bajet 2013 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini.

"Pakatan (Rakyat) mencadangkan pemotongan duti eksais dan duti import bagi kereta serta memansuhkan tol bermula di Lebuhraya Utara Selatan yang nyata boleh

meningkatkan pendapatan lebih ramai rakyat.

"Langkah (PR) ini lebih mampan ekonomi, bukannya membayar pampasan kepada pengendali tol untuk tidak naik kadar tol...RM586 juta yang diperuntukan dalam Bajet 2013 (oleh Najib) sepatutnya digunakan untuk membeli balik konsesi tol," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Kian Ming bukan individu asing dalam arena politik, malah, beliau juga merupakan penyumbang kepada penerbitan berita-berita *online*.



Selain itu, katanya, peruntukan RM90 juta untuk membeli 300,000 seragam RELA dan RM20 juta untuk membeli 1,000 motosikal peronda polis seakan memperlihatkan Najib

"meletakkan lebih banyak wang dalam pasukan polis tanpa penyusunan semula mana-mana asas" yang dianggap pincang dalam institusi itu sebagaimana yang dicadangkan dalam bajet alternatif PR.

Tambahnya lagi, pentadbiran Najib sepatutnya tidak mengumumkan peruntukan yang lebih banyak kepada syarikat Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) memandangkan kedua-dua

agensi berkaitan kerajaan itu didakwa mempunyai rekod gagal membina rumah mampu milik yang berkualiti tinggi.

"PR mencadangkan satu agensi baru (seperti) Lembaga Pembangunan Perumahan (HDB) di Singapura dengan menyatukan kesemua projek perumahan perseketuan dengan suntikan awal RM5 bi-lion, diikuti dengan suntikan tahunan RM2 bilion untuk empat tahun yang akan datang bagi mengurus, membina rumah berkualiti serta meneroka modal baru (perumahan rakyat)," ujar beliau.

7 tanda tanya serlah Bajet 2013 untung kroni berbanding rakyat

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengemukakan tujuh tanda tanya bagi menjelaskan bahawa Bajet 2013 dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini lebih menguntungkan kroni berbanding rakyat terbanyak di negara ini.

Pertama, Guan Eng mempersoal wibawa syarikat Pembangunan 1Malaysia Berhad (1MDB) dan Jabatan Perdana Menteri dalam menguruskan kira-kira peruntukan RM400 juta bawah perbelanjaan pembangunan.

"Berapa banyak jumlah ini (peruntukan RM400 bilion juta kepada 1MDB) yang akan digunakan untuk menyelamatkan pihak yang mesra Barisan Nasional (BN) daripada kontrak sedia ada.

"Sebagai contoh, pembelian aset tenaga Tanjong bernilai RM8.5 bilion dan RM2.3 bilion daripada Genting Sanyen telah dipersoal para analis kerana kedua-dua syarikat itu mempunyai perjanjian pembelian tenaga (PPA) dengan Tenaga yang

akan luput pada tahun 2016," ujar beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan dalam ucapan Parlimen baru-baru ini.

Kedua, beliau mempersoal kewajaran pentadbiran Najib memperuntukkan RM582 juta untuk membayar pampasan kepada pengendali-pengendali tol di samping pembayaran RM343 juta berupa "one-off" atau sekali bayar sahaja.

"Ini bukan sahaja akan memanfaatkan syarikat-syarikat swasta yang mengendalikan tol, tetapi memudaratkan rakyat kerana wang ini boleh digunakan untuk mengambil alih syarikat-syarikat pengendali tol dan menghapuskan tol, iaitu satu janji Pakatan Rakyat (PR) apabila kita sampai ke tumpuk kuasa," katanya.

Ketiga, beliau mempersoal mengenai peruntukan Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Memerangi Jenayah berjumlah RM272.5 juta kononnya demi "meningkatkan kepuasan orang ramai terhadap prestasi polis."

"Daripada membelanjakan wang rakyat untuk menambahbaik PDRM dan mengurangkan jenayah, BN (Barisan Nasional) lebih ingin memperuntukkan wang ini untuk tujuan perhubungan

awam yang hanya akan memanfaatkan para perunding dan pengiklan yang mempunyai kabel politik," ujar beliau.

Keempat, beliau mempersoal mengenai angka RM2.5 bilion yang diperuntukkan kepada "Kerjasama Awam-Swasta".

"Jumlah ini akan memanfaatkan projek-projek kroni seperti Projek Minyak dan Gas Tanjung Agas dan Taman Perindustrian Maritime yang terletak di Pekan, iaitu kawasan Perdana Menteri Najib sendiri.

"Sebanyak RM150 juta wang rakyat sudah pun disalurkan kepada projek ini dan PM Najib telah menjanjikan sebanyak RM300 juta lagi walaupun projek ini bersaing dengan Taman Perindustrian Gebeng yang berada di luar Kuantan, Sabah Minyak dan Gas Kerteh di Terengganu serta projek RAPID di Pengerang, Johor," ujar beliau.

Kelima, beliau mempersoal mengenai RM386 juta yang diperuntukkan untuk menambah 57 lagi kedai Kedai Rak-yat 1Malaysia (KR1M) di Sabah dan Sarawak.

"Peruntukan ini mungkin akan memberi manfaat kepada mereka yang mendapat kontrak untuk menjalankan kedai-kedai ini, iaitu Mydin...

kedai KR1M berkemungkinan akan membuatkan peruncit-peruncit tempatan di Sabah dan Sarawak hilang perniagaan," ujar beliau.

Tambah beliau, Najib pada tahun lepas mengumumkan pembangunan 85 kedai KR1M di Semenanjung Malaysia dengan peruntukan RM40 juta.

"Bermakna RM470,000 untuk setiap kedai. Pada 2013, Najib mengumumkan penubuhan 57 kedai KR1M di Sabah dan Sarawak dengan peruntukan RM386 juta.

"Bermakna RM6.7 juta untuk setiap kedai. Ini menunjukkan kenaikan kos seba-nyak 15 kali ganda untuk satu kedai KR1M dalam tempoh satu tahun," beliau menambah.

Keenam, beliau berkata, RM300 juta diperuntukkan untuk penswastaan pengurusan sisa pepejal di seluruh negara yang dijangka memberi manfaat pada syarikat berkepentingan politik dengan kerajaan pusat seperti Alam Flora, Southern Waste Management & E-Idaman.

Ketujuh dan terakhir, beliau berkata, bajet ini memberikan insentif cukai untuk pemaju yang mahu membina dan syarikat-syarikat yang mahu menempatkan syarikat

mereka di *Tun Razak Exchange* yang dulunya dikenali sebagai Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFD) termasuklah pengecualian cukai buat pemaju harta tanah, pengecualian cukai pendapatan 10 tahun untuk syarikat berstatus TRX, pengecualian duti stem, eluan bangunan industri dan eluan modal dipercepatkan untuk syarikat berstatus TRX Marquee.

"Dengan Nilai Pembangunan Kasar RM26 bilion berserta anggaran kadar cukai 25%, bermakna RM6.5 bilion hasil akan dilepaskan oleh kerajaan," ujar beliau.

Tuntas itu, katanya, kira-kira RM10.9 bilion secara umum diperuntukkan kepada kroni berwajib secara tidak langsung, manakala, RM4.2 bilion yang lain diagihkan kepada rakyat secara langsung melalui beberapa program yang didakwa seakan bermotif Pilihanraya Umum Ke-13 (PRU13).

"Tujuh perkara ini akan memberikan kita RM10.9 bilion, lebih daripada 2 ½ kali ganda RM4.2 bilion yang diperuntukkan Najib melalui pelbagai program pemberian dan gula-gula membeli undi," tegas beliau.

'Double standard': Mansor utus surat kepada Peguam Negara

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Polis yang didakwa tidak bertindak tegas ke atas ahli-ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Pertubuhan Pribumi Perkasa (Perkasa) yang memijak, mengoyak dan membakar gambar Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng akhirnya dipanjangkan kepada Peguam Negara (AG), Tan Sri Abdul Ghani Patail.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman bertanya, mengapa mereka yang mengancam Guan Eng masih bebas sedangkan polis pada masa yang sama menahan serta merta kesemua suspek yang memijak serta membakar gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Perhimpunan Janji Bersih 30 Ogos lepas bagi membantu siasatan.

"Malangnya tindakan keras yang dikenakan ke atas mereka yang memijak gambar Y.A.B. Perdana Menteri, tidak pula dikenakan ke atas ahli Perkasa yang bertanggungjawab melakukan tindakan yang tidak kurang biadapnya terhadap Y.A.B. Ketua Menteri," kata beliau dalam surat rasmi kepada Peguam Negara bertarikh 14 September lalu di sini baru-baru ini.

Mansor mengutus surat tersebut kepada Abdul Ghani sebagai reaksi pada kenyataan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Pulau Pinang, Senior Assisten Komisioner Mazlan Kesah

di akhbar Bahasa Inggeris, *The Star* pada 8 September lepas yang menyebut "polis tidak mempunyai bukti yang mencukupi" ke atas mereka yang didakwa mengancam Guan Eng sekeluarga.

"Jawapan itu susah untuk diterima (apa)bila ada saksi, gambar dan pengakuan oleh mereka yang terlibat," ujar beliau sambil mengemukakan bukti berwajib untuk perhatian Jabatan Peguam Negara.

Pada 10 Mei lepas, pemuda Perkasa turut melancarkan majlis upacara kematian menurut adat agama Hindu ke atas Guan Eng di depan kediaman Ketua Menteri dan berlarutan sehingga ke pusat pemerintahan Kerajaan Negeri di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) di sini.

"Demi mendaulatkan undang-undang tanpa pilih kasih atau 'double standard', YBhg. Tan Sri (Abdul Ghani) harus mengambil tindakan tegas ke atas Perkasa," ujar Mansor.

Dalam pada itu, Guan Eng



DEMONSTRASI yang berlaku di kediaman Ketua Menteri pada 10 Mei lalu.

yang juga Ahli Parlimen Bagan dalam satu kenyataan akhbar ber-asingan di Kuala Lumpur baru-baru ini mengecam tindakan individu-individu yang memijak gambar muka Najib sungguhpun beliau berbeza ideologi politik dengan perdana menteri itu.

"Jika Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein boleh berjanji bahawa kementeriannya akan mengambil tindakan dan mempercepatkan proses undang-undang ke atas pelaku-pelaku tersebut, adakah tindakan sama akan diambil ke atas penyokong-penyokong Barisan Nasional (BN) yang melakukan tindakan yang serupa ke atas gambar-gambar pemimpin Pakatan Rakyat (PR)," soal beliau baru-baru ini.

Beliau turut mempersoal wibawa Hishamuddin yang didakwa langsung tidak mengambil tindakan ke atas insiden me-ngancam peribadi Datuk S. Ambiga sekeluarga di kediaman Pengerusi Bersama bagai Gabungan Pilihanraya



TINDAKAN menunjukkan kasut kepada Ketua Menteri yang berada di dalam kendaraan rasminya pada Himpunan Hijau di Padang Kota Lama pada 26 Februari lalu.

Bersih dan Adil (Bersih) sebelum ini.

Malah, beliau turut mempersoal kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) merangkap Presiden Gerakan, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon menuduh pemimpin pembangkang tidak menghormati pemimpin negara sepatutnya wajar untuk memberi jaminan keselamatan kepada semua rakyat, termasuk ke atas pemimpin Pakatan Rakyat.

"Adalah sangat tidak bertanggungjawab (apabila) menuduh pembangkang (Pakatan Rakyat) untuk suatu tindakan yang jelas bukan kerja kita.

"Kecaman Koh Tsu Koon terhadap insiden memijak gambar perdana menteri sementara

berdiam (diri) apabila gambar saya dipijak dan upacara pengembumian dilakukan dengan (menggunakan) gambar saya," tegas beliau.

Mengulas mengenai beberapa insiden konvoi bas PKR yang diserang dengan cat baru-baru ini, beliau berkata, Hishamuddin sepatutnya wajar untuk memberi jaminan keselamatan kepada semua rakyat, termasuk ke atas pemimpin Pakatan Rakyat.

Selain bas PKR, difahamkan, ibu pejabat DAP Pulau Pinang dan pusat khidmat tiga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) DAP - ADUN Datok Keramat (Jagdeep Singh), ADUN Pulau Tikus (Koay Teng Hai) dan ADUN Air Putih (Guan Eng) turut disimbah dengan cat merah.



INSIDEN yang berlaku di Pasar Awam Teluk Bahang, 30 Jun lalu di sini.

SINDIR MUTIARA



Oleh: **SAM**

'Emas' untuk Pelajar & Anak Emas

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Seramai 430 pelajar Tahun 1, Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 yang mendaftar di bawah Program Pelajar Emas di sini diraikan dengan penerimaan sumbangan RM100 daripada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) dalam tiga majlis berasangan yang diadakan serentak baru-baru ini.

Pecahan bagi jumlah tersebut adalah seramai 250 pelajar dari Daerah Timur Laut, Daerah Seberang Perai Selatan (80) dan Seberang Perai Tengah (100). Angka tersebut adalah daripada jumlah keseluruhan 36,907 pelajar yang telah mendaftar sehingga kini.

Bagi Program Anak Emas, seramai 370 bayi daripada jumlah keseluruhan 4,711 yang mendaftar menerima sumbangan dalam tiga majlis simbolik peringkat daerah masing-masing di sini.

Bagi Amirah Ahmat Makbol, 16, pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong bersyukur dengan pemberian RM100 yang diterimanya.

"Alhamdullilah, dengan sumbangan tersebut, saya akan gunakannya dengan sebaik mungkin untuk tujuan pembiayaan

sekolah kelak," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara bersama ibunya pada majlis penyampaian Program Pelajar Emas dan Anak Emas Peringkat Daerah Timur Laut di sini baru-baru ini.

Program Pelajar Emas merupakan salah satu program kebajikan Kerajaan Negeri PR bertujuan meringankan beban golongan ibu yang memiliki anak-anak yang bersekolah pada Tahun 1, Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 di sini dan juga sekolah-sekolah di sempadan negeri Pulau Pinang (mengikut syarat yang ditetapkan). Melalui program tersebut, setiap pelajar bakal menerima RM100 daripada Kerajaan Negeri.

Di bawah Program Anak Emas, semua bayi yang dilahirkan bermula tahun 2011 adalah layak mendapat RM200.

Bagi pelajar Sekolah Menengah Pendidikan Khas Persekutuan (P) Tanjong Bunga, Gan Zhi Zhen, 16, beliau berharap agar Kerajaan Negeri meneruskan usaha baik menyalurkan sumbangan kepada rakyat Pulau Pinang.

Ibu kepada anak kembar Tahun 4 Sekolah Kebangsaan Convent Lebuh Light yang hanya ingin dikenali sebagai Puspa, 34, menyifatkan sumbangan diterima



GAN Zhi Zhen (depan).

adalah amat bermakna.

"Walaupun hanya RM100, tetapi, ia amat bermakna kepada saya terutamanya bagi menampung serba sedikit perbelanjaan kelengkapan sekolah dua anak kembar saya, Malina dan Malini," ujarnya yang merupakan seorang suri rumah.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang turun padang menyempurnakan ketiga-tiga majlis penyampaian tersebut menyatakan bahawa Kerajaan Negeri mestilah mempunyai 'emas' (keuntungan) untuk diberikan kepada Pelajar Emas, Anak Emas dan bantuan kebajikan rakyat yang lain.

"Kita hanya boleh bagi 'emas'



ANTARA anak emas yang menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri Peringkat Seberang Perai Selatan bersama ahli keluarga masing-masing.

(sumbangan) bila Kerajaan Negeri juga mempunyai 'emas' (keuntungan). Kita berbangga apabila mencatat keuntungan sepanjang empat tahun berturut-turut ketika memerintah Pulau Pinang," tegasnya.

Hadir sama, Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Exco Perancangan Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik dan ADUN Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu.



AMIRAH Ahmat Makbol.

Akademi badminton pertama negeri di Kg. Buah Pala

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

BUKIT GELUGOR – Dalam tempoh 18 bulan, hasil sumbangan Yayasan ECM Libra dan tiga rakan kongsinya, *Penang Learning Centre (PLC)* dan *Penang Badminton Academy (PBA)* bernilai RM4 juta khas untuk kegunaan rakyat negeri ini bakal dibangunkan di atas tanah Kerajaan Negeri seluas 2.9 ekar di Kampung Buah Pala di sini.

Projek tersebut bakal melengkapkan sebuah perpustakaan, tujuh kelas bahasa dan tuisyen, enam hingga lapan gelanggang badminton serta kantin.

Secara keseluruhan, PLC dan PBA bakal memberikan khidmat kepada masyarakat dari segi menyediakan lokasi unik di mana pelajar kurang bernasib baik akan mempunyai tempat yang sesuai untuk mengikuti kelas tuisyen dan mempelajari bahasa baru serta cemerlang dalam sukan badminton.

Antara bahasa yang akan diberi tumpuan ialah bahasa asing selain daripada Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil selain penekanan terhadap kelas sains serta

matematik yang juga bakal diimplementasikan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, inisiatif tersebut merupakan projek perpustakaan pertama dibina Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) dan merupakan PBA pertama di Pulau Pinang.

"Inisiatif tersebut bakal menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang lebih sesuai untuk didiami, belajar, bekerja, bermain dan sebagainya."

"Malah, ia juga bakal membentuk nilai kekeluargaan yang sihat dan pintar. Contohnya, apabila ibubapa menghantar anak mereka ke kelas di sini, mereka (ibubapa) boleh beriadah dengan bermain badminton," katanya pada Majlis Pelancaran PLC dan PBA di Kampung Buah Pala di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer, ADUN Batu Uban, S. Raveentharan, ADUN Komtar, Ng Wei Aik, ADUN Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo, Ahli-ahli Majlis Perbandaran Pulau



KETUA Menteri bersama pucuk pimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil Yayasan ECM Libra ketika Majlis Pelancaran PLC dan PBA di Kampung Buah Pala di sini baru-baru ini.

Pinang (MPPP) dan Lembaga Pemegang Amanah Yayasan ECM Libra, Datuk Kalimullah Hassan.

Guan Eng memberitahu, Pulau Pinang menyasarkan tiga teras utama pelan jangka pendek bagi meningkatkan kualiti pembelajaran serta ilmu pengetahuan rakyat dalam menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan.

"Pertama, meraikan pemilihan Pulau Pinang sebagai lokasi menempatkan Asian

Women Leadership University (AWLU) dikelola kolej wanita terpenting Amerika Syarikat, Kolej Smith; Kedua, mewujudkan *Penang Science Council (PSC)* dalam mentransformasikan Pulau Pinang sebagai pusat sains dan teknologi; Ketiga, 'mengubah' pelajar lemah ke tahap lebih baik.

"Malah, Pulau Pinang juga berhasrat melahirkan lebih ramai jaguh dunia badminton seperti Datuk Lee Chong Wei," ujarnya.

Tetap kadar pampasan, ganti rumah bukti KN cakna suara penduduk

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB & AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN - Langkah menetapkan kadar pampasan atau gantian rumah secara percuma kepada penduduk yang terbabit dalam proses pembangunan infrastruktur di Pulau Pinang kini sekaligus membuktikan Kerajaan Negeri cakna dengan suara rakyat terbanyak di negeri berkenaan.

Demikian penegasan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman semasa majlis penyerahan pampasan kepada 78 penduduk yang terlibat dalam fasa tiga Projek Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu atau dikenali *Jelutong Expressway* dan *Bayan Lepas Expressway* baru-baru ini.

"Kerajaan Negeri amat peka mendengar suara rakyat khususnya dalam isu pemindahan penduduk...buktinya, Pulau Pinang merupakan negeri pertama dalam negara ini yang menetapkan bayaran wang ehsan sebanyak

RM42,000 atau menggantikan sebuah rumah kos rendah percuma kepada pemilik rumah atau bangunan terlibat.

"Bagi keluarga yang menumpang pula, wang ehsan sebanyak RM20,000 atau keutamaan membeli rumah diberikan dan bagi penyewa juga tidak ketinggalan menerima bayaran sebanyak RM5,000 atau keutamaan memiliki rumah," ujar beliau pada Majlis Penyerahan Pampasan Kepada Penduduk Yang Terlibat Dengan Projek Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (Fasa 3) di sini baru-baru ini.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Jeff Ooi Chuan Aun (Ahli Parlimen Jelutong), Koid Teng Guan (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Sungai Pinang), Zaini Husain (Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Bahagian Pembangunan) merupakan antara kepimpinan negeri yang hadir pada majlis tersebut.

Difahamkan, seramai 173 penama masing-masing ditawarkan pampasan berwajib, gantian rumah kos rendah secara percuma atau diberi keutamaan untuk memiliki rumah kos rendah demi merealisasikan fasa tiga projek lebuhraya itu.

Sepanjang 800 meter lebuhraya akan dibina dalam fasa tiga tersebut yang menghubungkan persimpangan Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim hingga ke Jalan Jelutong dan Jalan Batu Lanchang.

Fasa satu projek itu membabitkan pembinaan 2.7 kilometer lebuhraya dari Persimpangan Udini ke Persimpangan Jalan Sungai Pinang yang disahkan siap sepenuhnya pada 6 Jun 2003.

Manakala, fasa dua projek tersebut pula membabitkan pembinaan 2.04 kilometer lebuhraya dari Persimpangan Jalan Sungai Pinang ke Jalan Weld Quay sehingga persimpangan Gat. Lebuh Acheh.



MANSOR Othman (kiri sekali) sambil diperhatikan Jeff Ooi Chuan Aun (dua dari kiri) menyampaikan replika kunci kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyerahan Pampasan Kepada Penduduk Yang Terlibat Dengan Projek Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (Fasa 3) di sini baru-baru ini.

Mansor berkata, sebahagian besar pembinaan lebuhraya fasa dua ini telahpun siap pada 20 Jun 2006 lagi.

"Kerja-kerja menaiktaraf baki lebuhraya (fasa dua), iaitu dari persimpangan Gat. Jalan Prangin ke persimpangan Gat. Lebuh Acheh baru sahaja disiapkan pada bulan Ogos yang lalu," kata beliau.

Menurut beliau, projek

lebuhraya fasa tiga sepatutnya disiapkan dalam tempoh 36 bulan bermula April 2008 lagi, namun, belum dimulakan lagi sehingga proses pemindahan penduduk berwajib selesai.

Perjanjian penswastaan ketiga-tiga fasa Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ditandatangi antara Kerajaan Negeri dan pemaju Jelutong Development Sdn. Bhd. pada 22 April 1997.

Pilihanraya PBT: Sebulan untuk SPR sebelum tindakan lanjut - Kon Yeow

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi masa selama sebulan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk memutuskan sama ada suruhanjaya itu bersedia melaksanakan pilihanraya kecil di kedua-dua kerajaan tempatan atau sebaliknya.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, perkara itu akan dirujuk ke mahkamah sekiranya suruhanjaya masih berdalih untuk melaksanakan Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan Seberang Perai) 2012 yang baru diwartakan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang baru-baru ini.

Malah, beliau berkata, Kerajaan Negeri akan cuba mendapatkan pengisyhtaran Mahkamah bahawa enakmen itu bukanlah bertentangan dengan perlembagaan (*ultra vires*) seperti digambarkan kerajaan pusat selain mengarahkan SPR supaya melaksanakan pilihanraya kecil di kedua-dua kerajaan tempatan berkenaan.

"Kita akan terus berusaha (tunggu jawapan balas SPR) dalam masa sebulan," kata Kon Yeow dalam satu sidang media bersama-sama Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di Komtar, di sini.

Penegasan itu sebagai reaksi pada surat maklum balas SPR bertarikh 14 September lepas kepada Kerajaan Negeri yang memaklumkan bahawa suruhanjaya sedar mengenai

enakmen yang diwartakan itu.

Terdahulu, Guan Eng dalam satu surat bertarikh 30 Ogos mendesak SPR melaksanakan pilihanraya kerajaan tempatan demi memenuhi tuntutan enakmen berwajib.

Desakan itu sebagai reaksi pada kenyataan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung yang berdalih bahawa enakmen itu kononnya adalah bertentangan dengan perlembagaan atau "*ultra vires*".

Dalah Chee Heung lagi, inisiatif Kerajaan Negeri itu adalah bercanggah dengan peruntukan Seksyen 15 Akta 171 (Undang-Undang Persekutuan).

Chee Heung berdalih, pendirian kerajaan pusat itu adalah selaras dengan Perkara



CHOW Kon Yeow (kanan) bersama-sama Ketua Menteri menunjukkan surat maklum balas daripada SPR pada sidang media di sini baru-baru ini.

75 Perlembagaan Persekutuan yang menyebut:

"Jika mana-mana undang-undang Negeri yang tidak diselaras dengan suatu undang-undang Persekutuan, undang-undang Persekutuan itu hendaklah mengatasi undang-undang Negeri dan undang-undang Negeri adalah tidak sah setakat tidak selaras itu.

"Tindakan Kerajaan Negeri meluluskan undang-undang itu tanpa berbincang dengan Mesyuarat Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) jelas bertentangan dengan Perkara 95A (6) Perlembagaan Persekutuan," dalih beliau dipetik dari satu akhbar arus

Rumah untuk tiga keluarga

Oleh: MOHD. HAFIZ TAJUDIN

TASEK GELUGOR – Pembinaan dan penyerahan tiga buah rumah satu tingkat dua bilik kepada tiga keluarga membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) terus komited membasmi kemiskinan tegar di negeri ini.

Salah seorang penerima, Azizah Ahmad, 58, dari Kampung Permatang Tok Gelam, Seberang Perai Utara (SPU) ketika ditemui berkata bahawa beliau amat bersyukur dengan 'pemberian' Kerajaan Negeri berkenaan.

"Rumah lama dah tak boleh duduk (tinggal), habis anai-anai makan," katanya yang menetap bersama cucunya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Majlis penyampaian tersebut disempurnakan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman.

Hadir sama, Pegawai Daerah dan Tanah SPU, Jusni Ismail; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Telok Air Tawar, Salehin Mohamed; PPK Penaga, Rosidi Hussain dan Ketua Penolong Pegawai Daerah dan Tanah SPU, Hakmal Effendi Ishak.

Turut menerima sumbangan tersebut ialah Nor'aida Othman dari Kampung Tok Jawa, Tasek Gelugor dan Mohd. Nizam Din, Pasir Gebu, Penaga.

Tiga buah rumah terbabit dibina Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai inisiatif membantu rakyat kurang berkemampuan di daerah ini baru-baru ini.



AZIZAH Ahmad (dua dari kanan) dan cucunya menerima replika kunci rumah baru daripada Mansor Othman (dua dari kiri) sambil diperhatikan Jusni Ismail (kiri sekali) dan Salehin Mohamed pada majlis penyerahan bantuan rumah di Kampung Permatang Tok Gelam di sini baru-baru ini.

Tandas 'Hijau' Pantai Mas sedia digunakan



Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

BATU FERINGGHI – Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) berjaya mengimplementasikan projek tandas 'hijau' pertama menerusi Tandas Awam Pantai Mas di tanah Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Operasi tandas tersebut pada dasarnya adalah berteraskan elemen hijau menggunakan tenaga solar bagi mengurangkan kos penggunaan elektrik, takungan air hujan untuk kegunaan umum dan beberapa ciri lain berkonseptan mesra persekitaran.

Bagi pengekalan imej dan kebersihan Tandas Awam Pantai Mas, hotel terkemuka, Hotel Lone Pine telah menjadikannya sebagai anak angkat di bawah pelaksanaan program tanggungjawab sosial pihaknya. Lanjutan itu, peruntukan berjumlah RM50,000 setahun diperuntukkan bagi tujuan berkenaan.

Tandas tersebut kemudian diserahkan kepada Pengurus Urusan Hotel Lone Pine, Guido Farina oleh Yang diPertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

Hadir sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu.

Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri amat

peka dalam memastikan semua infrastruktur dan kemudahan awam dibaik pulih serta dinaiktaraf bagi memberi keselesaan bertaraf antarabangsa kepada rakyat serta pengunjung.

"Inisiatif diusahakan melalui program *Public Private Partnership* ini diharap bakal menjadikan tandas ini (Tandas Awam Pantai Mas) sebagai *role model* dan mewujudkan suasana persaingan yang sihat dalam mempertingkatkan imej serta tahap pengurusan tandas di negeri ini," ujarnya ketika merasmikan Majlis Penyerahan Pengurusan Tandas Awam Pantai Mas kepada Hotel Lone Pine di Batu Feringgi baru-baru ini.

Dalam pada itu, Patahiyah berkata, pelbagai program telah dianjurkan MPPP untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung penjagaan tandas awam seperti kempen tandas bersih, seminar, pameran dan sistem '*star rating*' bagi menilai tahap kebersihan tandas awam di Pulau Pinang.

"MPPP mengambil komitmen dan peranan serius untuk memastikan tandas bersih dengan melakukan pemulihan. Melalui penyertaan pihak swasta, kita percaya kebersihan dan corak penyelenggaraan yang lebih kompetitif berjaya dilaksanakan kelak," ujarnya.

Projek tersebut dibiayai oleh Kementerian Pelancongan.



SEKUMPULAN anak-anak muda mengekspresikan daya kreativiti masing-masing pada Majlis Pelancaran Penang Graffiti Park di sini baru-baru ini.

Penang Graffiti Park kembang bakat anak muda

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

GEORGE TOWN – Hasil kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Kelab Rotary Tanjung Bunga, Penang Graffiti Park yang bertujuan membuka peluang kepada anak-anak muda memperkembangkan bakat seni tulisan graffiti berjaya disiapkan di Taman Perbandaran di sini baru-baru ini.

Taman yang juga bertujuan membasi kegiatan vandalism adalah membabitkan kawasan seluas 750 kaki persegi dengan nilai keseluruhan projek berjumlah RM150,000.

Pengarah Projek Penang Graffiti Park, Michael Chen menyatakan bahawa, tembok-tembok tersebut didirikan khas untuk bakat-bakat muda mengekspresikan karya masing-masing dengan cara yang lebih baik.

"Sebelum ini, terdapat gejala menconteng tulisan graffiti di tempat awam oleh golongan-golongan berkenaan sehingga menyebabkan mereka ditahan dan digari."

"Bagi saya, tindakan tersebut bukan suatu kesalahan berat hingga perlu diambil tindakan sedemikian. Lanjutan itu, lalu datang idea untuk membina taman ini," katanya pada Majlis Pelancaran Penang Graffiti Park di sini baru-baru ini.

HAPPY! dilancar bukti hasil dividen anti rasuah

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Bagi mengurangkan beban baki kos yang pemberian perlu ditanggung badan pengurusan (MC) atau Badan Pengurusan Bersama (JMC) bagi menaiktaraf rumah pangsa di negeri ini, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) mengorak selangkah kehadapan dengan memperkenalkan Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang (HAPPY!) dengan dana berjumlah RM50 juta di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, penubuhan HAPPY! dengan dana RM50 juta adalah tambahan kepada tabung bantuan perumahan sedia ada.

“Seperti mana yang kita sedia maklum, kerajaan persekutuan telah memperkenalkan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) dengan dana berjumlah RM500 juta bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) untuk membantu menaiktaraf rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana rendah.

“Dalam skim bantuan tersebut, kerajaan persekutuan menawarkan pembiayaan kos pemberian 90 peratus bagi rumah pangsa kos rendah dan rumah kos sederhana rendah (70 peratus).

“Baki selebihnya, 10 peratus (rumah pangsa kos rendah) dan 30 peratus (rumah pangsa kos

sederhana rendah) perlu ditanggung badan pengurusan (JMB/MC/Persatuan Penduduk),” ujarnya ketika Perasmian Seminar Pengurusan Bangunan Bertingkat (Berstrata) Kepada Badan Pengurusan (JMB/MC) Bagi Tahun 2012 dan Pelancaran Program HAPPY! di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama baru-baru ini.

Hadir sama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Exco Perancang Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Menurut Guan Eng, kebanyakan badan-badan pengurusan menghadapi masalah untuk menampung sebahagian daripada kos pemberian berkenaan. Justeru, di bawah program HAPPY!, Kerajaan Negeri membantu menaiktaraf rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana rendah di seluruh Pulau Pinang.

“HAPPY! Adalah hasil dividen anti rasuah yang diamalkan Kerajaan Negeri iaitu lebihan perbelanjaan sebanyak RM88 juta (2008), RM77 juta (2009), RM33 juta (2010) dan RM50 juta (2012). Ini merupakan satu program yang bukan saja sistematik, malah, belum ada mana-mana negeri yang melaksanakannya.



KETUA MENTERI, Patahiyah Ismail (kiri sekali), Wong Hon Wai (dua dari kanan) dan Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) menunjukkan sepanduk program HAPPY! pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

“Kerajaan Negeri percaya bahawa program HAPPY! mampu menjayakan program penyelenggaraan, pemberian dan menaiktaraf infrastruktur rumah pangsa kos rendah dan

kos sederhana rendah di seluruh negeri Pulau Pinang sekaligus meningkatkan kualiti kehidupan yang lebih selesa kepada rakyat secara keseluruhannya,” ujar beliau.

KM cadang dinamakan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang P. Ramlee

GEORGE TOWN – Demi mengenang jasa seniman terunggul negara, Allayarham Tan Sri P. Ramlee, Ketua Menteri mencadangkan kepada kerajaan persekutuan supaya menamakan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTABPP) sebagai Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang P. Ramlee.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut menggalakkan supaya kerja-kerja pembesaran LTABPP dijalankan dengan baik dan elok secara bertaraf antarabangsa.

“Masih ada ramai yang tidak tahu

bahawa P. Ramlee berasal dari Pulau Pinang dan bahawa keadaan masyarakat majmuk serta terbuka ketika itu telah menggalakkan pembentukan bakat bagi membolehkan P. Ramlee merealisasikan potensinya sebagai seniman, pelakon, pemuzik dan penyanyi yang paling cemerlang dalam sejarah Malaysia.

“P. Ramlee pernah dipilih pelakon terbaik Asia. Memandangkan beliau dikenali umum di peringkat antarabangsa, adalah wajar namanya terukir di peringkat antarabangsa seperti lapangan terbang yang

berhubung kait dengan pentas dunia,” katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Mengulas berhubung kerja pembesaran LTABPP, beliau menyatakan bahawa, keadaan kerja semasa membesar lapangan terbang antarabangsa sebanyak RM 250 juta di bahagian luar atau dalam adalah agak kurang memuaskan dengan kebocoran air hujan, kualiti kerja kurang baik dalam banyak aspek, kelambatan siap kerja serta pengurusan kerja yang mengganggu penumpang-penumpang.

“Terlalu banyak aduan diterima bukan sahaja daripada penumpang, tetapi juga pekerja-pekerja dalam lapangan terbang tersebut.

“Adalah diharapkan pihak berkuasa kerajaan persekutuan boleh menjalankan semakan setiap minggu untuk mengenalpasti masalah yang timbul agar ia tidak ditutup begitu sahaja. Kebimbangan semua pihak adalah bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang P. Ramlee ini akan menjadi suatu lapangan terbang bermasalah sebaik ia siap kelak,” ujar beliau.

Bakal jemaah haji dirai KN

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI

BATU MAUNG – Setiap tahun, bakal jemaah-jemaah haji diraikan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) sebelum kumpulan tersebut masing-masing berlepas bagi menunaikan rukun Islam kelima di tanah suci Mekah.

Tidak terkecuali adalah pada tahun ini membabitkan jumlah keseluruhan 931 bakal jemaah haji yang akan berlepas menggunakan lima penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) terus ke Jeddah. Penerbangan tersebut turut membawa bakal jemaah haji dari negeri Kedah dan Perlis. Kumpulan pertama telah berlepas pada 22 September lalu.

Tujuh bagi 67 jemaah bakal jemaah haji dari Batu Maung dan Teluk Kumbar di sini apabila kumpulan tersebut diraikan dalam majlis khas oleh Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kasim di Masjid Jamek Permatang Damar Laut di sini baru-baru ini.

Acara penyampaian tersebut dimulakan dengan majlis bacaan Yasin dan tahlil di samping doa selamat bagi mengiringi kumpulan berkenaan. Malah, mereka (bakal jemaah haji) turut menerima senaskah Al-Quran, sejadar, sejumlah wang tunai berserta keperluan lain hasil sumbangan Abdul Malik.

Bagi seorang posmen, Abd. Halim Ahmad, 50, beliau menyatakan bahawa pemberian Kerajaan Negeri wajar dijadikan dorongan dan inisiatif kepada bakal-bakal jemaah haji dalam melaksanakan tuntutan berkenaan.

“Saya mendaftar sejak berusia 20-an dan berasa amat bertuah kerana diberi peluang menunaikan rukun Islam kelima pada usia yang agak muda,” katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Bagi pesara kerani, Mooti Yakup, 74, menganggap pemberian Kerajaan Negeri sebagai suatu keberkatan.

“Alhamdulillah, makcik bersyukur kerana diberi peluang kali kedua menunaikan haji sejak tahun 1981.



ABD. Halim Ahmad (kiri) menerima sumbangan daripada Abdul Malik Abul Kassim pada majlis penyampaian khas bagi bakal jemaah haji Batu Baung dan Teluk Kumbar di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, tidak ada pun sumbangan sebegini, sekarang Kerajaan Negeri lebih perihatin,” jelas beliau.

Dalam pada itu, Abdul Malik turut mengucapkan tahniah kepada semua bakal jemaah haji yang terpilih dan beliau turut berkongsi pengalamannya sebelum ini.

“Di sana, pelbagai pengalaman yang saya dapat lihat, yang baik maupun yang buruk.

“Saya ingin berpesan kepada bakal-bakal haji sekalian, kalau boleh sucikan diri sebelum berangkat ke sana. Mintalah ampun maaf atau sucikan hati sebelum berangkat,” ujar Abdul Malik.

Gelanggang Sukan Rakyat 3 dalam 1 siap

Oleh: MOHD. HAFIZ TAJUDIN

PENAGA – Gelanggang Sukan Rakyat 3 dalam 1 - futsal, takraw dan bola jaring membabitkan peruntukan RM150,000 di atas tanah Kerajaan Negeri siap dibina di Kampung Guar Tuan Syed di sini baru-baru ini.

Ini bermakna, pembinaan gelanggang yang bertujuan membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat setempat terutama anak-anak muda siap dibina dalam tempoh empat bulan selepas majlis pecah tanah yang berlangsung Mei lalu.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) amat mengutamakan pembangunan rohani dan jasmani rakyat dengan insiatif mewujudkan fasiliti sedemikian.

“Kita mahukan masyarakat

Penaga, khususnya anak muda di sini lebih sihat, lebih cergas fizikal serta cerdas akalnya melalui program-program yang bakal dianjurkan di sini.

“Justeru, gunakanlah gelanggang rakyat ini dengan sebaik mungkin bagi kepentingan bersama,” katanya pada Majlis Pelancaran Gelanggang Sukan Rakyat di sini baru-baru ini.

Majlis perasmian disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut hadir, Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Jusni Ismail; Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai, Rozali Mohamud; Pegawai Penerangan Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Mohd. Anuar Hashim; PPK Bertam, Asrol Sani Abdul Razak dan PPK Pinang Tunggal, Muhasdey Mohamad.



BARISAN pemain muda bergambar kenang-kenangan bersama Ketua Menteri dan Rosidi Hussain bersempena Majlis Pelancaran Gelanggang Sukan Rakyat di sini baru-baru ini.

Rosidi menyatakan, bagi tempahan penggunaan gelanggang tersebut, pihak yang berminat boleh menghubungi Pembantu

Pejabat PPK Penaga, Ridwan Osman pada talian 013 – 436 3559 untuk maklumat lanjut.

Dalam pada itu, beliau turut mengumumkan

pengajuran Pertandingan Futsal Piala PPK Penaga yang bakal diadakan pada 11 November ini dengan tawaran hadiah bernilai RM1,000.

Negeri raih tiga anugerah berprestij global pelancongan

GEORGE TOWN – Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini diumumkan sebagai penerima tiga anugerah utama pada pengajuran *China (Guangdong) International Tourism Industry Expo (CITE) 2012* yang berlangsung di Guangzhou, China.

Anugerah digondol adalah *Best Booth Award* hasil kreativiti mereka hias ruang pameran dengan replika feri ; *Excellent Performance Award* yang dimenangi Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang dan anugerah *The Favorite Travel Destination and Route of the Cantonese 2012* oleh *Southern Metropolis Daily*, salah sebuah akbar perdana di Guangzhou yang menjalankan undian orang awam bagi mengetahui destinasi pilihan pelancongan terbaik pernah dilawati.

Exco Pembangunan

Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang menyatakan bahawa kemenangan tersebut adalah kemenangan seluruh rakyat negeri Pulau Pinang.

Dalam pada itu, bagi mempromosi produk dan pakej pelancongan di dua wilayah, Guangdong dan George Town, satu perjanjian usahasama, *Tourism Cooperation and Exchange Framework* ditandatangani bersama *Tourism Administration of Guangdong Province*.

“Perjanjian tersebut bukan hanya bakal mengerakkan hubungan dan persefahaman antara kedua-dua pihak, malah, turut memberi penekanan kepada promosi produk-produk pelancongan,” jelas Heng Kiang.

Eksposanjuran bersama *National Tourism Administration of People Republic of China, People's Government of Guangdong Province* dan



PENARI-penari Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang bergambar kenang-kenangan pada pengajuran *China (Guangdong) CITE 2012* baru-baru ini di China.

Tourism Administration of Guangzhou Province turut mendapat penyertaan lebih dari 1,000 negeri di dunia.

Selain menyediakan platform

untuk penggiat industri pelancongan dan kebudayaan, eksposan tersebut juga menjadi medan pertemuan untuk mewujudkan jaringan kerjasama

dan persefahaman di bawah satu bumbung.

Eksposan berikutnya bakal diadakan di wilayah Beijing, China.



Front Elevation

LAKARAN bumbung automatik di laluan utama stesen induk yang bakal siap pada Julai 2013.

Bumbung automatik Bukit Bendera janji keselesaan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

BUKIT BENDERA – Tiga fasa projek menaiktaraf prasarana pusat pelancongan Bukit Bendera bernilai RM39 juta dibiayai Kerajaan Negeri yang bakal siap pada Julai 2013 adalah bagi menampung pertambahan pengunjung yang kian meningkat.

Tiga fasa projek terbabit adalah merangkumi pembinaan bumbung automatik dan bumbung sambungan ke kawasan di stesen induk.

Pengurus Besar Perbadanan Bukit

Bendera (PHC), Maklen Ali berkata, ketiga-tiga fasa projek berkenaan bakal dimulakan pada penghujung Oktober ini dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Julai 2013.

“Kemudahan tersebut bukan sahaja memberi keselesaan kepada pengunjung ketika musim hujan, malah, turut memberi pelindungan daripada haba matahari yang terik,” katanya pada majlis sidang akbar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, wakil firma seni bina Arkitek LLA Sdn. Bhd. yang terpilih menerajui projek terbabit, Laurence Loh

dan Loh-Lim Lin Lee.

Kata Maklen, semenjak pengenalan perkhidmatan kereta api funikular (tren laju yang hanya memerlukan tempoh masa tujuh minit untuk ke puncak) April tahun lalu, jumlah pengunjung Bukit Bendera meningkat sebanyak 35 peratus iaitu antara 8,000 ke 10,000 pengunjung terutama ketika musim cuti umum dan cuti persekolahan,” jelasnya.

Mengulas lanjut berhubung pelantikan Arkitek LLA Sdn. Bhd., Maklen menyatakan bahawa sebelum itu pihaknya menerima 10 proposal dari firma-firma

seni bina lain yang berminat.

“Syarikat Arkitek LLA Sdn. Bhd. merupakan perunding pembinaan terbaik setelah rekod menunjukkan penglibatan mereka dalam projek pemuliharaan *Suffolk House* dan arked *Whiteaways* di sini.

Sementara itu, cadangan laluan pejalan kaki sejauh 80 meter di stesen atas bukit yang bertujuan menyelesaikan masalah kesesakan pada laluan utama masih dalam peringkat perbincangan. Projek tersebut dijangka siap menjelang tahun 2014.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

KERAJAAN NEGERI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KOD TENDER : PSUKPP/TENDER/11/2012

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang : 340403 atau (220301 dan 220401 dan 220503 dan 220507 dan 221001 dan 221002 dan 221305 dan 221506) dalam bidang perkhidmatan yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai tender berikut :

“PERKHIDMATAN PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN KOMPLEKS MASYARAKAT PENYAYANG ”

2. Petender yang ingin untuk turut serta dalam tender ini adalah diwajibkan untuk menghadiri sesi Taklimat dan Lawatan Tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh : 15 Oktober 2012 (Isnin)

Masa : 10.00 pagi

Tempat : Bilik Anggerik

Kompleks Masyarakat Penyayang

10460 Jalan Utama, Pulau Pinang

Kehadiran : Pemilik Syarikat (Wakil Tidak Dibenarkan)

3. Tuan/Puan adalah DIWAJIBKAN membawa bersama dokumen salinan asal dan salinan fotostat (tidak akan dikembalikan) yang disahkan seperti berikut :

- i) Cetakan Spesifikasi dan Tanggungjawab Agen Pengurusan yang dimuat turun dari Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang;
- ii) Sijil Pendaftaran Syarikat yang masih sah; dan
- iii) Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (Kod Bidang ditetapkan) yang masih sah.

4. Dokumen tender boleh dibeli dengan harga **RM50.00** secara online dan dimuat turun melalui Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mulai **15 Oktober 2012** (selepas taklimat dan lawatan tapak).

5. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Nombor dan Tajuk Tender di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen tender tersebut mestilah sampai **sebelum @ pada 06 November 2012 (Selasa) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 25 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**.

6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Tender di atas adalah menjadi tanggungjawab petender.

7. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

MELAYU MAMPU MANDIRI!

PADA 8 September yang lalu, satu forum yang amat penting telah dianjurkan di bawah kelelolaan Penang Institute. Dalam wacana yang bersejarah ini, nasib bangsa Melayu Pulau Pinang telah dibincangkan secara tuntas, profesional dan terperinci. Forum Nusantara ke-6 yang berkisar dalam lingkungan tajuk "55 Tahun Merdeka: Ke Mana Arah Melayu Pulau Pinang" telah menyatakan semua pandangan dan saranan daripada parti-parti politik, NGO, akademia dan juga pemimpin masyarakat.

Demi mewujudkan suatu pentas cakna minda yang aktif dan berkesan, wakil daripada PAS, PKR, DAP & hatta UMNO juga telah dipanggil untuk tampil menyatakan pendapat. Secara adil barisan panelis terdiri daripada, Y.B. Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa, Ahli Parlimen Parit Buntar (PAS), Y.B. Senator Prof. Madya Ariffin Omar, Senator Dewan Negara dan juga Pensyarah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (DAP), Y.B. Nik Nazmi Nik Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri Seri Setia (PKR) dan wakil daripada UMNO, Dato' Raja Munir Shah, yang merupakan Timbalan Ketua Bahagian UMNO Tanjung. Untuk memastikan perbincangan neutral dan profesional, Prof. Madya Dr. Ahmad Fauzi Abdul Hamid, pensyarah dari Pusat Pengajian Jarak Jauh, USM telah diminta untuk menjadi moderator.

Berbincang tentang suatu tajuk yang dikira panas sepanjang zaman ini, sudah tentulah tidak lari daripada perbezaan pendapat dan saling menyatakan hujah terbaik dari golongan masing-masing dalam respon kepada permasalahan Melayu Pulau Pinang. Forum dimulakan dengan ungkapan atau premis utama panelis seperti berikut;

Y.B. Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa

-Memulakan hujah dengan menyatakan jaminan, hak-hak Melayu akan terjamin di dalam perlembagaan Malaysia, jika Pakatan Rakyat diberi kepercayaan memerintah negara ini. Ini terbukti dengan kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam melaksanakan dasar-dasar memajukan Islam di Pulau Pinang seperti penambahan dana pembangunan umat Islam, penyelesaian isu tanah kubur, pendidikan Sekolah Agama Rakyat dan pengukuhan institusi zakat di negeri ini. Beliau meminta agar UMNO tidak menghalang kerja baik ini dengan menghasut rakyat, dan manfaikan kemampuan kerajaan PR yang baru berusia 4 tahun berbanding UMNO yang telah memerintah lebih 50 tahun.

Dato' Raja Munir Shah

-Selaku wakil tunggal BN di dalam forum, sudah pasti pendekatan



FORUM Nusantara 6 yang berlangsung baru-baru ini di Kepala Batas.

**Serambi
PENANG
INSTITUTE**
making ideas work

defensif digunakan dalam manafikan kegagalan UMNO selama lebih separuh abad dalam mengubah nasib bangsa Melayu. Hujah beliau yang sentiasa berkisar pada premis 'kenang budi' dan seruan untuk mengekalkan 'keamanan dan perpaduan' menjadi modal utama dalam meyakinkan audiens. Sumbangan kerajaan seperti BR1M, dan pelbagai jenama 1 Malaysia yang dipromosikan oleh UMNO-BN juga ditekankan oleh Raja Munir. Menurutnya lagi, nasib Melayu dan Malaysia yang stabil 'hanyalah dengan bersama UMNO sahaja' telah mengamatkan suasana dewan!

Y.B. Senator Prof. Madya Ariffin Omar

-Selaku wakil Melayu daripada DAP, sudah tentu pasti pandangannya unik. Beliau menegaskan betapa bangsa Melayu itu sebenarnya mampu berdikari tanpa berpaut dengan kabel parti-parti politik, sepertimana yang telah dimomokkan oleh UMNO sekian

lama. Prof. Ariffin juga menyatakan kini, pelbagai pakar Melayu telah berada di pelbagai bidang tanpa berpaut dengan tongkat UMNO. Beliau merujuk kepada kejayaan dan sifat mandiri bangsa Melayu itu sebelum kewujudan UMNO lagi. Hujah akhir beliau ditutup rapi dengan saranan dari Shaikh Naqib Arsalan yang menyatakan sebab utama umat Islam mundur adalah kerana "kepimpinan yang tidak ikhlas, telus dan jujur".

Y.B. Nik Nazmi Nik Ahmad

-Pandangan YB Nik Nazmi dari PKR pula bersifat lebih universal dengan seruan agar Melayu keluar dari kepompong 'mentaliti terkepung' yang sekian lama membelenggu. Permasalahan yang membelit bangsa Melayu harus dilihat rentas melebihi batas kaum itu sahaja. Label pemalas yang ditanam penjajah British harus dibuang jauh-jauh untuk bersaing dengan bangsa lain. Anjakan paradigma perlu, khusus dalam pendidikan, demi membijakkan umat Melayu.

Sudah tiba masanya Melayu keluar dari kelompok inferioriti kompleks yang terbentuk selama 5 dekad dan bergerak ke arah wacana baru yang segar bersama Pakatan Rakyat!

KESIMPULAN : Melayu Memang Mampu Mandiri!

Sebagai penutup, seorang ilmuwan tersohor, Dr. Siddiq Fadhil pernah menyebut akan kisah dalam filem Melayu P.Ramlee yang berani melawan bosnya menerusi cerita Bujang Lapok, di mana dalam mimpi pemuda lakonannya itu, dia memarahi dan mengarah-ngarah bosnya untuk melakukan kemahuannya.

Nah, itu pada zaman cerita klasik P.Ramlee, yang menunjukkan orang Melayu masih berani 'mimpi' melawan penindasnya. Tapi kini, tak perlu bicara tentang mimpi, namun untuk mimpi sekali pun orang Melayu kini sangat takut!

Segala hujah, defensif mahu pun provokatif sepanjang forum itu telah sedikit sebanyak berjaya menyenggung cara fikir Melayu yang selama ini terbendung dengan mimpi ngeri dan ketakutan yang dibuat-buat.

Secara konklusi, bangsa Melayu itu sememangnya bangsa yang hebat, bangsa yang mampu bertahan, bukan sekadar retorik Hang Tuah 'takkan Melayu hilang di dunia' bahkan lebih daripada itu, menjadi sebuah bangsa yang mandiri, berdiri di atas kaki sendiri!

SYED MIKAEL RIZAL AIDID
Eksekutif Komunikasi & Program
Penang Institute




PARA Pekerja Am MPPP bertungkus-lumus membersihkan saki-baki lumpur di Pangaspuri Green Garden, Paya Terubong.



AKSI ceria kanak-kanak yang dirakam sempena Majlis Perasmian Projek Naiktaraf Kompleks Bukit Gedung.



SEKUMPULAN kanak-kanak yang hadir pada majlis sidang akhbar pengumuman Sambutan Hari Kanak-kanak 2012.



ISTERI kepada Ketua Menteri, Betty Chew (depan, dua dari kiri) disambut dengan penuh meriah pada penganjuran program Women @ OSRAM: Gender Awarenesss.





EXCO Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang (dua dari kiri) bergambar bersama-sama barisan pengunjung Japanese Film Festival 2012.



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran Penang Green Expo 2012.



PERSEMBAHAN kanak-kanak yang menceriakan penganjuran Pesta Tanglung 2012 Peringkat Negeri Pulau Pinang di Bukit Mertajam.



ANTARA bayi yang menerima sumbangan Program Anak Emas Peringkat Daerah Timur Laut.

facebook

 **YOUR VOICE MATTERS**

Penilaian Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang
(The Evaluation of the Official Portal of The Penang State Government)

Kaji sedik ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan awam mengenai keberkesanan saluran penyampaian kerajaan negeri melalui Portal Rasmi Kerajaan Negeri dan mendapatkan pandangan/cadangan penambahbaikan

<http://ebayar.penang.gov.my>



Pembayaran Bagi ...

- ✓ Cukai Tanah
- ✓ Pinjaman Penuntut
- ✓ Cukai Taksiran MPPP
- ✓ Cukai Taksiran MPSP

GOVPG@15888
Perkhidmatan SMS Kerajaan Negeri Pulau Pinang

 mudah.ringkas 

Senarai Perkhidmatan Yang Ditawarkan

Semakan Status Rumah Kos Rendah	Semakan Status Pembayaran Kontraktor
Semakan Status Pinjaman Penuntut	Semakan Status Pendaftaran Warga Emas
Semakan Status Baki Pinjaman Penuntut	Semakan Status Cukai Tanah

sila klik untuk maklumat lanjut



Permohonan, Semakan Rumah Kos Rendah, Sederhana Rendah & Projek Perumahan Rakyat (PPR)
<http://erumah.penang.gov.my>

Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online Kerajaan Negeri Pulau Pinang

ePINTAS
Penang Information And Complaint System
<http://epintas.penang.gov.my>

2
3
4
5
6
7
8
9
10
11
12
13
14

Penang Information and Complaint System (ePINTAS) merupakan Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri yang membolehkan orang ramai membuat aduan, komen, teguran, cadangan dan pertanyaan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri


1 300 80 1010

Sebarang aduan tentang perkhidmatan JPS boleh disalurkan melalui JPS CARELINE 1-300-80-1010




Sistem Penghargaan Warga Emas
<http://isejahtera.penang.gov.my>
warga emas
miskin tegar


SISTEM PERMOHONAN BANTUAN
KE INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM
<http://ibita.penang.gov.my>

My Penang My Workplace 

www.penangcatcentre.my
Your Global Gateway to Careers in Penang

Tel: 604-250 2170
Fax: 604-250 2171

CAT teras kejayaan negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

BAYAN BARU – Prinsip asas Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) yang menjadi pegangan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) menjadi penyumbang pada kejayaan dikecapi Pulau Pinang hari ini.

Selain menerapkan budaya kerja berprestasi tinggi dan berkemahiran dalam tadbir urus, Pulau Pinang kini turut menjadi pilihan para pelabur dan penggiat industri di peringkat global.

Penambahbaikan sistem pengangkutan, menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, pertumbuhan

sektor pelancongan perubatan dan pendekatan Kerajaan Negeri dalam memperkasa perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sedikit sebanyak menyumbang kepada pencapaian negeri kini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sejak empat tahun lalu, Pulau Pinang telah mencapai pelbagai kejayaan dengan menjadi juara pelaburan terutama dalam sektor pembuatan pada tahun 2010 dan 2011 dengan jumlah keseluruhan mencapai RM21.3 bilion.

“Malah, Pulau Pinang turut menyumbang 30 peratus daripada jumlah

FDI (pelaburan asing) negara dan 50 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2010.

“Kita (Pulau Pinang) juga telah mengurangkan jumlah hutang negeri sebanyak 95 peratus daripada RM630 juta pada 2011 lalu,” ucapnya ketika hadir merasmikan Mesyuarat Tahunan Persatuan Syarikat Perindustrian Bebas (Frepenca) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Tambah Guan Eng, beberapa perkhidmatan yang berintensif pengetahuan (*knowledge-intensive services*) adalah *spin-off* dari sektor pembuatan dan Pulau Pinang akan terus

menggembang kemahiran bagi menarik kemasukan pelabur dan penggiat industri yang bernilai tinggi.

“Walaupun kita (Pulau Pinang) menumpukan pada pertumbuhan sektor perkhidmatan, namun, sektor pembuatan turut diberi penekanan sebagai asas untuk pertumbuhan ekonomi yang mapan.

“Hal ini kerana, sektor pembuatan mendapat permintaan tinggi terutama dalam lapangan yang menyumbang kepada pertumbuhan dan produktiviti subsektor perkhidmatan seperti kewangan, telekomunikasi dan pengangkutan,” jelas beliau.

Negeri komited bantu usahawan muda

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) komited membantu golongan usahawan muda terutamanya mereka yang baru berkecimpung dalam bidang tersebut dengan memastikan golongan terbabit berjaya bagi jangka masa panjang dan bukan hanya bermula sebagai ‘penumpang’.

Pendekatan tersebut dapat dilaksanakan melalui konsep pertukaran idea dengan usahawan kanan (*senior*) maju dan tokoh-tokoh yang mana bakal menjana jaringan antara usahawan baru dan lama demi pengekalan kelangsungan kewujudan mula baru dalam industri.

Malah, program *mentor mentee* yang berperanan ke arah tersebut juga diasaskan *Penang Science Council* dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berkonsepkan usahawan yang telah berjaya akan mengajar teknik-teknik boleh digunakan kepada golongan (usahawan) baru.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, pembangunan usahawan khususnya usahawan muda merupakan agenda ekonomi dan sosial penting yang menjadi teras serta pemangkin kepada pertumbuhankekayaan dan kekuatan ekonomi negeri.

“Empat teras utama diberi tumpuan Kerajaan Negeri adalah mewujudkan persekitaran kondusif, pembentukan dan pemantapan usahawan, pembangunan sumber manusia dan pembangunan pertumbuhan kawasan baru bagi melahirkan usahawan berdaya saing serta berdaya tahan,” katanya ketika merasmikan Forum Industri dan Usahawan Pulau Pinang 2012 bertemakan, ‘Meneraju Kecemerlangan Negeri’ di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, selain konsep ditekankan, para usahawan juga

perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan, menjalin kerjasama dengan syarikat korporat besar, menguatkan kewangan, membina rangkaian sekali gus melebarkan sayap di pentas antarabangsa,” ujar beliau.

DR. P. RAMASAMY ketika berucap pada penganjuran Forum Industri dan Usahawan Pulau Pinang 2012 di sini baru-baru ini.



Pusat PKS PP platform lahir golongan teknousahawan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

BAYAN LEPAS – Para penggiat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kini berpeluang menyewa tapak di Pusat PKS Pulau Pinang dengan kadar sewa subsidi ditawarkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kadar sewa subsidi ditawarkan dalam tempoh jangka masa setahun kepada penggiat PKS untuk memulakan perniagaan masing-masing adalah bermula dari harga RM1.50 hingga RM1.80 bagi setiap kaki persegi.

“Pusat PKS ini merupakan projek fasa kedua dalam merealisasikan projek tiga serampang pembangunan PKS di Pulau Pinang.

“Dua pendekatan lain adalah meliputi penubuhan Penasihat Pemasaran PKS, Pusat Sumber dan Latihan (SMART) yang dilancarkan Jun lalu dan pembangunan perkampungan PKS di Batu Kawan dan Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah (SPT),” katanya pada Majlis Pembukaan Pusat PKS Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Bangunan empat tingkat bernilai RM40 juta dengan keluasan keseluruhan 160,000 kaki persegi telah memperoleh *Certificate of Compliance and Completion (CCC)* pada Julai lalu. Keluasan setiap lot adalah antara



RUPA bentuk Pusat PKS Pulau Pinang di Taman Perindustrian Bayan Lepas Fasa IV di sini.

6,000 hingga 13,000 kaki persegi dan kini ia sedia disewakan kepada penggiat PKS di Pulau Pinang.

Selain dilengkapi dengan pengawasan keselamatan kawalan sistem litar tertutup (CCTV) 24 jam sehari, pusat ini turut menyediakan bekalan elektrik sehingga 10kN (kiloNewton) setiap minit untuk jentera pemunggahan paras bawah dan 7.5kN setiap minit bagi paras atas.

Sehingga kini, beliau memberitahu bahawa pusat SMART menyediakan ruang perniagaan dan pasaran, memimpin perniagaan yang hampir sama seperti syarikat multinasional (MNC). Malah, ia juga bertujuan membangunkan rantaian bekalan, menjalankan bengkel pembinaan dan menyediakan senarai direktori yang seragam serta bersepudu.

“Selepas ini, PDC akan menumpukan kepada fasa seterusnya iaitu membangunkan perkampungan PKS bagi membolehkan syarikat-syarikat PKS mengembangkan perniagaan mereka dan membeli tapak perniagaan sendiri,” ujarnya sambil menyatakan bahawa Pulau Pinang kini mendahului dalam pembangunan, promosi dan penyediaan infrastruktur PKS untuk melahirkan golongan teknousahawan yang berjaya.

Dalam pada itu, Pengurus Majlis Pengurusan Pusat PKS Pulau Pinang, Datuk Seri Kelvin Kiew, menyatakan bahawa PDC terutamanya Pengurus Besarnya, Datuk Rosli Jaafar, telah banyak memberi inspirasi dan buah fikiran dalam merealisasikan penubuhan Pusat PKS tersebut.

“Kerajaan Negeri juga amat proaktif dan menyokong penuh pembangunan sosio-ekonomi Pulau Pinang sehingga membolehkan rakyat mampu mencapai kemakmuran masa hadapan dalam industri PKS kini,” jelas beliau.

Eksspo Hijau 2012 berjaya promosi inisiatif hijau

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN - Penganjuran untuk tahun kedua Eksspo Hijau Pulau Pinang 2012 baru-baru ini berjaya mempromosikan inisiatif hijau yang mampan dalam kalangan pengguna dan perniaga berwajib di negeri berkenaan.

Eksspo yang mengangkat tema "Memulihara Untuk Esok" itu menerima kira-kira 63 penyertaan pameran, selain partisipasi langsung tiga "sekolah hijau".

Itu, tidak termasuk sokongan penaja daripada badan-badan korporat seperti Penang Turf Club, G Hotel, Hotel Eastin, CHT Manufacturing Sdn. Bhd., Jviss Hair Beauty, Wisdom Touch dan Deebeauty.

Pelbagai program seperti pameran teknologi hijau, pertandingan mewarna dan melukis, pertandingan fotografi hijau, persembahan pentas, pertunjukan pakaian berorientasikan bahan kitar semula dan permainan mencari eco-harta karun dilangsung selama dua hari bermula pada 22 September lepas.

Cabutan bertuah sehingga RM40,000

seperti pemberian skuter litium elektrik tajaan Eclimo Marketing Sdn. Bhd. turut disediakan untuk menarik minat pengunjung terhadap inisiatif hijau.

Sebanyak 2,500 anak pokok turut diagihkan kepada pengunjung eksspo anjuran bersama-sama Kerajaan Negeri melalui Majlis Hijau Pulau Pinang (PGC Strategies Sdn. Bhd.).

Exco Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap Pengurus PGC, Phee Boon Poh berkata, semua inisiatif hijau dihasratkan Kerajaan Negeri mampu direalisasikan lebih cepat daripada waktu disasarkan dengan syarat wujud kerjasama bersepaktu antara Kerajaan Negeri, pengguna, peniaga serta badan-badan korporat berwajib.

"Teknologi hijau yang nak diterapkan ini bukan sekadar program 'Pulau Pinang Bersih, Hijau dan Selamat' (tapi) kita (Kerajaan Negeri) mahu partisipasi lebih daripada pihak sekolah, ibu bapa, masyarakat.

"Kita semua adalah bangsa manusia yang seharusnya mula memikirkan mengenai



PHEE Boon Poh menunggang skuter litium elektrik yang menjadi rebutan para pengunjung melalui acara cabutan bertuah penganjuran Eksspo Hijau Pulau Pinang 2012 di sini baru-baru ini.

kehidupan dunia pada masa depan," ujar beliau di Auditorium Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA), Bayan Lepas di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga, Teh Yee Cheu, Ng Wei Aik

(Setiausaha Politik bagi Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap ADUN Komtar) dan Maimunah Mohd. Sharif (Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) turut hadir pada majlis perasmian pembukaan eksspo tersebut.

MPSP kompaun tandas kotor

Oleh: MOHD. HAFIZ TAJUDIN

JURU - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak akan teragak-agak mengeluarkan kompaun terhadap pemilik premis dengan keadaan tandas yang kotor di sini.

Ekoran melanggar syarat perlesenan, kompaun RM150 hingga RM250 bakal dikenakan terhadap pemilik. Sekiranya tempoh amaran selama dua minggu tidak diendahkan, kompaun antara RM200 hingga RM300 pula akan dikenakan.

Ahli Majlis MPSP, Teoh Seang Hooi berkata, Kempen Tandas MPSP yang dilaksanakan bukan hanya untuk keselesaan pengguna, malah, ia menjadi satu platform bagi menyedarkan masyarakat tentang budaya bersih, peningkatan tahap profesionalisme dalam penyelenggaraan tandas dan imej tandas yang berprestij.

"Melalui kempen tersebut, tandas-tandas sekitar Seberang Perai dibahagikan kepada tujuh kategori meliputi restoran/kedai makan; stesen minyak; kompleks makanan; pasaraya; tandas awam MPSP; terminal bas/keretapi; dan hotel.

"Bagi setiap tandas yang dinilai, pengiktirafan taraf lima bintang adalah yang tertinggi dan tandas yang tiada bintang atau kotor akan dikenakan kompaun," katanya dalam satu operasi membabitkan 12 tandas di Bayu Mutiara di sini baru-baru ini.



TEOH Seang Hooi (kiri) ditemani Ahli Majlis MPSP, Lim Eng Nam ketika menjalankan penilaian terhadap salah sebuah tandas di Bayu Mutiara di sini baru-baru ini.

Kitar semula jimat RM1.32 juta kos lulus sampah

PERMATANG PAUH - Inisiatif khas yang diambil Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam menggalakkan amalan kitar semula di sini membawa hasil apabila RM1.32 juta kos pelupusan sampah berjaya dijimatkan pada tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Setiausaha Perbandaran MPSP, Rozali Mohamud berkata, melalui aktiviti (kitar semula) yang dijalankan, MPSP berjaya mencapai kadar kitar semula pada setengah tahun pertama yang tinggi iaitu 32.87 peratus berbanding sasaran kerajaan persekutuan sebanyak 20 peratus.

"Ekoran itu, MPSP dapat menjimatkan RM1.32 juta kos pelupusan sampah di sini pada tempoh enam bulan pertama tahun ini," katanya ketika merasmikan Program Kitar Semula dan Membuat Kompos Sisa Dapur Organik di Permatang Nibong di sini baru-baru ini.

Rozali memberitahu, setiap hari, sekurang-kurangnya 1,000 tan sampah dikutip oleh MPSP.

"Jumlah tersebut tidak termasuk besi-besi buruk dan sampah yang dibuang secara haram di kawasan terbuka. Semua kerja-kerja pengumpulan sampah-sampah ini adalah melibatkan kos yang sangat tinggi setiap tahun," jelas beliau.

Mengulas mengenai program dirasmikan beliau, Rozali menyatakan bahawa kawasan berkenaan tersebut dipilih berikutnya 70 peratus daripada penduduk di sini bergiat dalam sektor penanaman padi dan secara tidak langsung telah biasa dengan



SALAH seorang kakitangan MPSP di samping sepanduk Program Kitar Semula dan Membuat Kompos Sisa Dapur Organik di Permatang Nibong di sini baru-baru ini.

proses pengomposan baja organik.

"Justeru, MPSP yakin penduduk dapat mengompos sendiri sisa dapur harian kepada baja organik setelah didedahkan dengan taklimat serta kaedah berkaitan proses berkenaan," katanya sambil menjelaskan bahawa pengomposan sisa organik mempunyai dua kelebihan iaitu mengurangkan pembuangan sisa ke tapak pelupusan dan kedua, menghasilkan baja organik.

Keseluruhan projek kitar semula yang menelan kos RM41,000 bagi Daerah Seberang Perai Tengah ditaja sepenuhnya oleh CIMB Bank Cawangan Maju Utama. Malah, jumlah tajaan sebanyak RM36,000 turut diperoleh bagi program sama di Daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan.

PR mampu tingkat kebajikan wanita

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

BUKIT MERTAJAM – Walaupun statistik menunjukkan bahawa bilangan wanita yang berjaya melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi (IPT) adalah lebih tinggi daripada lelaki, namun, penglibatan kaum wanita dalam tenaga kerja masih kekal rendah.

Senario tersebut secara tidak langsung menyebabkan jumlah wanita pada peringkat pembuat keputusan adalah jauh lebih rendah daripada lelaki.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng ketika menegaskan kenyataan tersebut menyatakan bahawa bagi mengatasi ketidaksamarataan tersebut, Pakatan Rakyat (PR) memiliki manifesto tersendiri berhubung kebajikan kaum wanita pada aspek keselamatan, bebanan kerja dan sumbangan golongan suri rumah tangga.

“Sekiranya PR ‘menjadi’ kerajaan

pusat, keberkesanan anggota polis dalam membanteras kes-kes jenayah bakal dikemaskini bagi menjana suasana yang selamat untuk kaum wanita.

“Malah, PR juga akan menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak, waktu kerja fleksibel untuk meringankan bebanan kaum ibu bekerja, memberi pengiktirafan ke atas sumbangan suri rumah tangga dan melancarkan skim Caruman Wanita Malaysia dengan sumbangan RM50 kepada suri rumah yang memperoleh pendapatan isi rumah sebanyak RM1,500 ke bawah sebulan untuk tujuan tabung simpanan dan bantuan musibah,” katanya pada penganjuran program *Line Dancing For Malaysia Day 2012* di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Lim Siew Khim, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Seteven Sim dan



CHONG Eng (depan, berkaca mata) menari bersama para peserta *Line Dancing For Malaysia Day 2012* di sini baru-baru ini.

Oon Neo Aun serta Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Perkampungan Berapit, Ang Tun Kiat.

Kira-kira 400 kaum Hawa menyertai penganjuran program yang turut diadakan bersempena sambutan Hari Malaysia tersebut.

Meriahkan Hari Kanak-kanak dengan beramal



DR. Sim Joo Seng (duduk, kiri sekali) beramah-mesra bersama-sama sekumpulan kanak-kanak yang bakal membuat persembahan pada program sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2012 di sini.

PROGRAM AMAL... Sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2012, Pertubuhan Wanita Mutiara dengan kerjasama sebuah klinik swasta kanak-kanak tempatan, *Sim Children & Child Heart Clinic* bakal menganjurkan *World Children's Day Food & Fun Fair 2012*.

Sambutan yang bakal diadakan di Taman Perbandaran pada 4 November ini turut menyajikan pelbagai aktiviti kekeluargaan dan permainan antaranya *Jigsaw Puzzle Friendly Matches, Choral Speaking* dan persembahan pentas.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), *Penang Mental Health Association (PMHA)* dan *Penang Toys Stories Project*

Committee turut serta dalam penganjuran berkenaan.

Menurut Pengurus Program, Dr. Sim Joo Seng, penganjuran tersebut adalah bagi mengumpul dana untuk sebuah pusat pendidikan kanak-kanak istimewa yang menghadapi masalah pembelajaran, *2-Way Centre* (dikawal selia oleh PMHA).

“Kita harap penganjuran kali ini bukan sahaja berjaya mengumpul dana, tetapi turut memberi ruang dan peluang bagi kanak-kanak istimewa ini bermain dan mengenal dunia luar,” ujar Joo Seng.

Bagi sebarang maklumat lanjut, emel ke worldchildrensday2012@gmail.com.

Kurang penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan merugikan

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

TANJONG BUNGA – Pembabitan kira-kira 28 peratus kaum Hawa daripada jumlah Ahli Senat, Ahli Dewan Rakyat (10.4 peratus) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (8 peratus) dalam negara masih belum mencapai kuota 30 peratus penyertaan wanita dalam kepimpinan sebagaimana disarankan kerajaan persekutuan dalam Rancangan Malaysia ke-9.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Ong Kok Fooi berkata, jumlah tersebut masih belum selaras dengan Konvensyen Penghapusan Diskriminasi Terhadap Wanita (*Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women – General Recommendation No.23*) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang menetapkan penyertaan wanita pada tahap 30 peratus dalam tadbir urus.

“Di Malaysia, wanita membentuk sekurang-kurangnya 51 peratus daripada populasi keseluruhan penduduk. Perangkaan kini menunjukkan bahawa kita (negara) masih jauh ketinggalan,” katanya ketika merasmikan Latihan Kepimpinan Wanita Dalam Tadbir Urus Tempatan anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow dan Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Sri Husnaini Sofjan.

Sejumlah 50 wanita menyertai bengkel latihan melibatkan beberapa individu dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dewan perniagaan, persatuan penduduk, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), institusi akademik dan swasta.

Tambah Kok Fooi, di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sentiasa memberi ruang dan peluang bagi memperkasakan wanita terutama dalam tadbir urus dan



LYDIA Ong Kok Fooi (kiri sekali) berkongsi maklumat dengan Chow Kon Yeow (tengah) mengenai pembabitan wanita dalam tadbir urus tempatan Latihan Kepimpinan Wanita Dalam Tadbir Urus Tempatan anjuran PWDC di sini baru-baru ini.

advokasi.

“Malah, pembangunan wanita menjadi nadi kepada kejayaan dan perkembangan positif di negeri ini,” jelasnya sambil menyatakan bahawa peningkatan penyertaan wanita pada tahap kepimpinan tempatan adalah amat penting untuk memastikan kesaksamaan serta kesejahteraan sosial dan pertumbuhan ekonomi sesebuah masyarakat.

Dalam pada itu, Sri Husnaini berkata kekurangan penyertaan wanita pada peringkat pembuat keputusan merugikan seluruh masyarakat.

“Pemerkasaan wanita secara aktif dalam arena tempatan bakal mendatangkan manfaat besar kepada semua.

“Bengkel latihan ini adalah salah satu platform unik untuk membawa bersama peserta wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dan sektor untuk berkongsi pendapat serta pengalaman dalam memperkasakan keupayaan kaum Hawa di semua peringkat,” ujar beliau.

Istimewa kerisik tanpa cap Penaga

Oleh : YAP LEE YING

Gambar : ALISSALA THIAN

PENGUSAHA kerisik adalah tidak terbilang jumlahnya, namun, apa yang pasti adalah kualitinya berbeza antara satu sama lain.

Ruangan Jalan-jalan Buletin Mutiara (BM) kali ini berkesempatan menemurah pengeluar kerisik terkemuka ‘tanpa cap’ di Pulau Mertajam, Penaga, Seberang Perai Utara (SPU).

Lebih selesa dengan panggilan Pak Lang dan Mak Lang, perusahaan tersebut diusahakan pasangan suami isteri, Mohd. Akhir Ibrahim, 68, dan Norsiah Aziz, 62.

Bagi Mak Lang, kerisik keluarannya adalah asli dan paling istimewa adalah ia ‘tiada cap’ (jenama pengeluar).

“Semua produk dibungkus di dalam bekas-bekas tanpa melekatkan sebarang maklumat pihak pengeluar mahupun nama syarikat.

“Memang itu keistimewaan kerisik kami,” jelas Mak Lang ringkas kepada BM ketika ditemui di kediamannya di sini baru-baru ini.

Menurut Mak Lang, dengan menggunakan kelapa kampung tanpa sebarang campuran bahan

lain seperti hampasnya, kerisik keluaran beliau berperisa manis sedikit dan dapat disimpan selama tiga bulan lamanya. Malah, sekiranya ia disimpan di dalam peti ais, ia dapat bertahan sehingga empat bulan.

Asasnya, kerisik diperbuat 100 peratus daripada kelapa. Kelapa-kelapa yang dikupas kemudian dikisar sebelum dijemur selama lima jam. Selepas itu, ia digoreng selama setengah jam dan dimasukkan ke dalam mesin kerisik untuk proses akhir. Selesai proses terbabit, kelapa bertukar menjadi pekat keperang-perangan berserta lapisan minyak yang amat harum baunya.

Kepada mereka yang tidak mengetahui apakah itu kerisik, bahan tersebut bertindak sebagai rempah tambahan bagi menyedapkan masakan gulai daging dan kerabu terutamanya. Pada masa sama, ia turut memekatkan sajian masakan terbabit.

Mak Lang memberitahu, penglibatan beliau dalam bidang perusahaan tersebut sejak tujuh tahun lalu adalah kerana tidak ingin membazirkan buah-buah kelapa yang terbiar di halaman rumah.

“Buah kelapa memang banyak dan hanya dibiarkan tumbuh sahaja



PAK Lang dan Mak Lang dengan produk hasil keluaran mereka.



KERISIK yang telah siap diproses dimasukkan ke dalam bekas khas.

kat rumah. Melihat keadaan tersebut, Mak Lang dan Pak Lang pi tanya kat kedai-kedai sama ada dia orang nak tak kerisik.

“Selepas memperoleh maklum balas positif daripada tauke-tauke kedai, kami beli sebuah mesin pengisar sebagai permulaan,” jelasnya.

Bermula dengan 3 kilogram kerisik yang dihasilkan setiap hari sebelum ini, penghasilan kerisik Mak Lang bertambah sebanyak

tiga kali ganda kini.

Malah, sebahagian besar kerisik-kerisik tersebut telah siap ditempa oleh peniaga-peniaga dan juga orang perseorangan dari Penaga, Kepala Batas dan juga Sungai Petani, Kedah.

Bagi Mak Lang, cabaran utama perusahaan beliau adalah cuaca. Sekiranya hujan dan keadaan cuaca lembab, kelapa tidak dapat dijemur dan dikisar dengan sempurna.

Adalah menjadi harapan Mak Lang dan Pak Lang untuk mengeksport produk keluaran mereka ke luar negara. Pada masa sama, pasangan dikurniakan lima cahaya mata tersebut turut berharap memperoleh bantuan mesin pengering daripada pihak-pihak tertentu bagi menambah jumlah pengeluaran sedia ada terutamanya menjelang musim hujan.

Tidak dinafikan, faktor usia kadang-kala membataskan penghasilan produk berkenaan. Tambahan pula, sejak sebulan lalu, Pak Lang secara tiba-tiba diserang penyakit angin ahmar sehingga menjaskan penglihatan beliau.

Bagaimanapun, bagi Mak Lang, beliau tetap komited untuk memulakan rutin harianya seawal 7.30 pagi sehingga lewat malam.

Bagi tempahan :
No. 893, Pulau Mertajam,
Penaga, SPU.
014 - 242 4055



KERISIK siap dibungkus untuk dipasarkan.



KELAPA-kelapa kampung yang digunakan.

Bekas atendan parkir MPPP miliki ‘Master’

PERCAYA atau tidak, seorang bekas atendan parkir di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) ada ijazah peringkat sarjana atau “master” dalam pentadbiran awam dan kini sedang menyimpan azam untuk mendapatkan ijazah kedoktoran (PhD) dalam disiplin pengajian yang sama.

Dari azam memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang tergenda akibat keadaan keluarga tidak mempunyai sumber pendapatan mencukupi semasa 30 tahun lalu, kini, wibawa peribadi A.P. Xavier @ Sebastian, 51, dikatakan senantiasa meniti di bibir pekerja-pekerja bawahan dalam pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut.

“Saya memang nak masuk universiti awam selepas menduduki peperiksaan STPM (Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia) sebab teringin nak jadi mahasiswa, tetapi selepas mendiang ayah saya bersara, keluarga saya tak mampu.

“Pada tahun 1980, ketika itu, saya jadi atendan letak kereta di Jalan King Street selama tiga bulan...mula-mula kerja di majlis (MPPP) dan selepas itu saya masuk semula tingkatan enam sebab teringin nak masuk universiti awam,” ujar beliau semasa diwawancara oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB**.

Tempoh 30 tahun berkhidmat dalam MPPP, Xavier berkata, beliau juga pernah ditaklifkan sebagai Penolong Juruukur Sementara di Jabatan Pembangunan MPPP bermula Oktober 1982 hingga Julai 1984, Pembantu Kesihatan Awam (Julai 1984 hingga Disember 2010) dan kini sebagai Penolong Pengarah di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Kesihatan Awam dan Pelesenan MPPP.

“Selepas tamat Tingkatan Enam, saya masuk semula di

majlis sebagai Penolong Juruukur Sementara dengan gaji RM13.85 sehari...ada kerja, ada gaji. Jika cuti, tiada gaji.

Sungguhpun bekerja secara kontrak, beliau berkata, semangatnya untuk masuk ke IPTA tidak pernah padam.

Ditambah dengan dorongan rakan sekerja, katanya lagi, menjadi sumbu perjuangan hidup sehingga kini.

“Rakan-rakan sekerja paling banyak memberi dorongan. Majlis (MPPP) ini seolah-olah macam keluarga saya kerana rakan-rakan senantiasa memberi dorongan untuk saya masuk universiti awam sepertimana yang selalu diingatkan oleh mendiang ayah saya,” ujar beliau.

Pada tahun 2000, beliau dipilih menyambung pengajian di Universiti Utara Malaysia



PERBINCANGAN dua hala dengan kakitangan bawahan di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Kesihatan Awam dan Perlesenan MPPP menjadi amalan A.P. Xavier sebelum satu-satu operasi turun padang dilakukan.

(UUM), Sintok, Kedah dalam jurusan pentadbiran awam atas tiket STPM yang didudukinya buat kali yang kedua.

“Selepas lima tahun, saya dapat Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam Kelas Dua Atas. Selepas itu, boleh dikatakan saya cipta rekod apabila dipilih menjadi pembantu kesihatan awam di majlis dengan memegang segulung ijazah... kelayakan memegang jawatan

itu adalah SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) saja.

“Selepas itu, hampir dua tahun, saya tidak bekerja dan mungkin saya akan meninggalkan majlis kerana bercadang untuk mengajar. Tetapi, untuk bersyarah, sekurang-kurangnya mesti mempunyai ‘Master’.

“Sokongan kawan-kawanlah, jadi saya sambung di Universiti Sains Malaysia (USM), George Town pada 2008 dan pada tahun 2010, saya bergraduat sebagai Sarjana dalam Pentadbiran Awam.

“Saya sangat bersyukur kepada Tuhan kerana memberi saya kawan-kawan yang baik di majlis ini. Saya ada majikan (MPPP) yang baik, ketua jabatan dulu dan sekarang yang baik serta rakan-rakan sekerja yang sangat memberi dorongan,” ujar beliau.

“Dengan rekod perkhidmatan saya yang diiktiraf baik, selepas (mempunyai ‘Master’) itu, saya terus memohon sebagai pegawai tadbir atau Penolong Pengarah dan saya dapat kerja ini (Penolong Pengarah di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Kesihatan Awam dan Perlesenan, MPPP) pada November 2010 (iaitu) sebaik saja saya mendapat Ijazah Sarjana.

“Maka, saya memang bercadang untuk mendapatkan PhD, kemungkinan saya akan sambung belajar dan mungkin menangguh perkhidmatan saya di majlis kerana jawatan saya sekarang ini menuntut saya hampir tiada masa lapang,” ujar beliau.

Beliau mengaku bahawa dirinya begitu ghairah bekerja di MPPP dan budaya kerja itu turut mencuri perhatian isterinya, Rani Kaur yang berkerjaya sebagai Pegawai di Bank Simpanan Nasional (BSN) di negeri ini juga.

Beliau berkata, kadangkala, masa bersama-sama isteri dan tiga anak - Leon Kevin Sebastian, Erick Ashvin Sebastian dan Jusstina Xevier - “dicuri” untuk menyertai operasi-operasi penguatkuasaan, termasuk pada hari cuti hujung minggu.

“Walaupun kerja saya lebih menumpu pada aspek pentadbiran di majlis ini, saya masih menyertai operasi-operasi bersama-sama kakitangan bawahan kerana itu cara bekerja saya di sini sejak dulu.

HARAPAN

Beliau menyimpan harapan supaya MPPP diiktiraf sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) di peringkat global.

“Memang saya nak majlis jadi model PBT di peringkat dunia. Memang saya nak George Town ini terus menjadi bandar yang menjadi impian dunia untuk berkunjung kerana bandar ini bersih, hijau dan selamat.

“Saya memang akan menetap di Pulau Pinang dan akan terus berkhidmat di majlis (MPPP) mungkin dalam sembilan tahun lagi. Sebelum pencer, memang saya nak lihat majikan saya sukses,” ujar beliau sambil merakamkan penghargaan serta tahniah kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MPPP.



A.P. Xavier turut mengutamakan pemuliharaan alam sekitar dengan aktiviti kitar semula.

THE 5TH TPO FORUM 2012.

Forum TPO bangun pelancongan negeri

GEORGE TOWN - Buat julung kalinya, George Town muncul sebagai bandaraya pertama di Malaysia dipilih sebagai lokasi penganjuran *The 5th Tourism Promotion Organization (TPO) Forum 2012* pada 17 hingga 20 September lalu.

Datuk Bandar dan perwakilan dari 70 buah bandar dan 32 ahli industri pelancongan dari rantau Asia Pasifik menghadiri penganjuran yang berlangsung selama empat hari berkenaan.

Pemilihan George Town sebagai tuan rumah kali ini merupakan satu pengiktirafan bermakna kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dalam merealisasikan budaya pengantarabangsaan di Pulau Pinang.

Malah, forum tersebut turut memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi melalui perkongsian pengalaman dan promosi produk-produk pelancongan tempatan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyempurnakan Majlis Perasmian *The 5th TPO Forum 2012* turut

menyatakan keterujaan beliau kerana Pulau Pinang menjadi satu-satunya negeri di Malaysia yang terpilih untuk penganjuran forum bertaraf antarabangsa.

Majlis makan malam sebagai penghargaan kepada semua delegasi diadakan di bangunan bersejarah, Leong San Tong Khoo Kongsi di sini.

Datuk Bandar Surabaya, Indonesia, Ibu Tri Rismaharini ketika ditemui Buletin Mutiara menyatakan bahawa beliau gembira berada di Pulau Pinang dan terpegun dengan kehijauan serta kebersihan pantai di sini.

"Pulau Pinang adalah lebih kurang menyerupai Surabaya dan kita dalam proses menjadikan George Town sebagai 'sister city,'" jelasnya.

Turut diadakan adalah majlis pelancaran simbolik arca TPO di Taman Persahabatan, Lebuh Farquhar di sini. Arca tersebut melambangkan kefahaman, kerjasama dan rangkaian dalam kalangan ahli TPO untuk bersama-sama bangunkan industri pelancongan.



TARIAN kebudayaan mewarnai majlis perasmian *The 5th TPO Forum 2012*.



KETUA MENTERI dan Yang Dipertua (YDP) MPPP, Datuk Ar. Patahiah Ismail (kanan sekali) bersama delegasi pada majlis pelancaran arca simbolik TPO di Taman Persahabatan.



PARA delegasi turut serta dalam persembahan kebudayaan.



PARA delegasi dibawa menaiki beca.



ANTARA delegasi yang hadir.

Tunggakan faktor utama halang usaha selenggara

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Faktor tunggakan merupakan masalah utama dalam ‘menghalang’ usaha pihak berkuasa tempatan (PBT) menyelenggara rancangan perumahan sedia ada apabila ia mencatatkan jumlah hampir RM12 juta sejak tahun 2005 hingga Julai lalu.

Selain itu, jumlah sewa dan penyelenggaraan tertunggak bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) pula mencecah hampir RM4 juta bagi tempoh masa sama.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, jumlah tersebut

meningkat saban tahun dan beberapa alternatif telah dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah berbangkit

“Pada tahun 2008, satu unit penguasaan khas diwujudkan untuk menjalankan tugas kutipan tunggakan terhadap penduduk yang gagal membayar sewa dan yuran penyelenggaraan.

“La zimnya, bayaran penyelenggaraan secara berkala adalah diperlukan bagi membolehkan PBT melakukan kerja-kerja pembersihan dengan melantik kontraktor pembersihan di kawasan-kawasan perumahan tertentu.

“Pada tahun ini, Kerajaan Negeri meluluskan sejumlah RM18 juta

untuk melaksanakan 60 kerja penambahbaikan dan kerja-kerja menaiktaraf rancangan perumahan di sini,” ujarnya pada Forum Perundingan Kerajaan Tempatan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif, Setiausaha Perbandaran MPSP, Rozali Mohamud, Ahli-ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ahli-ahli Majlis MPSP, ketua-ketua jabatan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Kon Yeow memberitahu, selain tunggakan, dua faktor lain adalah sikap vandalisme dan usia bangunan.



CHOW Kon Yeow (kiri sekali) ditemani Maimunah Mohd. Shariff (dua dari kanan) dan Rozali Mohamud (kanan sekali) selaku panel pada Forum Kerajaan Tempatan di sini baru-baru ini.

Penggantungan bendera BN tak patriotik, bahaya orang awam - Ah Teong

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

TANJUNG TOKONG - Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ong Ah Teong baru-baru ini mempersoal tindakan sekumpulan pemuda Pulau Pinang tertentu memasang 100 bendera Barisan Nasional (BN) secara haram dan berbahaya pada lampu-lampu jalan di sekitar Tanjung Tokong di sini.

Tidak cukup dengan itu, beliau turut mempersoal wibawa serta patriotisme pihak berkenaan kerana memasang bendera BN lebih tinggi dari Jalur Gemilang dan bendera Pulau Pinang di depan Pasaraya Island Plaza, di sini.

“Selepas bendera-bendera itu dipasang menggunakan kren jentera tanpa permit majlis (MPPP) dan permit polis, tiada siapa mahu mengaku bertanggungjawab pula.

“Saya kesal ‘mereka’ tidak mahu bertanggungjawab.

“Kami telahpun membuat laporan polis kerana bendera-bendara ini dipasang pada tiang-tiang lampu yang berketinggian lebih 30 kaki... jika bendera-bendera ini jatuh, akan membahayakan pengguna jalan dan



ONG Ah Teong (kanan) dan D.S. Harvindar Singh mendedahkan bukti dan laporan polis berhubung bendera BN yang digantung sehingga membahayakan orang awam di sini baru-baru ini.

penjalanan kaki.

“Mereka (BN) mahu kehidupan atau undi daripada rakyat di sini. Mereka cuba angkuh dengan majlis atau angkuh dengan perlombongan,” ujar beliau dalam satu sidang media bersama-sama Ahli Majlis MPPP, D.S. Harvindar Singh.

Berdasarkan laporan polis yang dibuat pada 23 September lepas, difahamkan, 100 bendera itu dipasang di sepanjang Jalan Gotblieb, Jalan Tanjung Tokong dan Jalan Bahan Jermal di sini pada malam sebelumnya.

Tiada mana-mana pihak, termasuk pemimpin BN Pulau Pinang sehingga kini mengaku bertanggungjawab dengan aksi angkuh menggantung bendera-bendera tersebut.

MPSP bakal wajib tanam pokok

Oleh: MOHD. HAFIZ TAJUDIN

BUKIT TENGAH – Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Soon Lip Chee menyeru badan-badan korporat untuk mengambil bahagian dalam projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) di bawah gerak kerja Local Action 21 (LA21) sebagai satu medium mendekatkan masyarakat dengan alam sekitar.

Beliau yang juga Pengurus Pasukan Kerja LA21 Mesra Alam MPSP berkata, sehingga kini, antara syarikat yang terlibat adalah Tambun Indah Sdn. Bhd. yang menyumbang sebanyak 4,000 pasu bunga bagi ditempatkan di kawasan perumahan bawah seliaan mereka Jun lalu di sini.

“Selain itu, turut terlibat adalah Syarikat Guppy Plastic Industries Sdn. Bhd. (Guppy Plastic) yang menyumbang 2,000 pasu bunga bagi program keceriaan di Jalan Ong Yi How, Butterworth di sini.

“Terbaru, mereka (Guppy Plastic) juga terlibat dengan pelaksanaan di lokasi projek kelima Projek di Taman Bayu Mutiara di sini,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

LA21 merupakan satu Pelan Tindakan Global menekankan aspek sosial dan ekonomi serta pemeliharaan serta pengurusan



SOON Lip Chee (tengah, kemeja biru) bersama sukarelawan menunjukkan botol-botol yang dikumpul untuk dikitar semula di bawah gerak kerja LA 21 di sini baru-baru ini.

sumber untuk pembangunan yang mampan.

Pelan tersebut dicetuskan ketika Sidang Kemuncak Bumi (Earth Summit) Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang berlangsung di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992.

Lip Chee memberitahu, bagi memperhebatkan inisiatif tersebut, MPSP menyasarkan setiap rumah atau rumah kedai yang siap dibina di Seberang Perai diwajibkan menanam pokok di dalam pasu hasil sumbangan pihak-pihak berkaitan.

“Pokok, tanah dan baja disediakan MPSP dan proses pemantauan dijalankan enam bulan selepas itu.

“Sekiranya pokok-pokok terbabit dijaga dengan rapi, tajaan kedua akan diberikan kepada premis tersebut,” jelas beliau.

Program amal gunting rambut

Oleh: WATAWA NATAF
ZULKIFLI

KEBUN BUNGA – Hasrat murni 16 pelatih sebuah salon tempatan bagi menjayakan program amal menonton wayang sambil gunting rambut anjuran Dewan Undangan Negeri (DUN) Kebun Bunga akhirnya membuatkan hasil apabila memperoleh reaksi positif 250 penduduk Rumah Pangsa Padang Tembak di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee berkata, program tersebut dianjurkan pihaknya dengan inisiatif penuh Pusat Saloon Passion sejak Januari

tahun ini.

“Program yang diadakan bagi membantu penduduk Rumah Pangsa Padang Tembak mendapat pemotongan rambut secara percuma diadakan pada bulan ganjil bermula Januari lalu.

“Selain perkhidmatan gunting rambut percuma, penduduk yang turut serta juga diberi bekalan sarapan dan pada masa sama dapat menonton wayang di lokasi,” katanya ketika mengulas lanjut berhubung program dijalankan.

Dalam pada itu, selain aktiviti kemasyarakatan, Khan Lee turut menyatakan bahawa aspek keselamatan dan keindahan



JASON Ong Khan Lee (dua dari kanan) bersama barisan pengajar menunjukkan tanda bagus

kawasan setempat turut ditekankan pihaknya.

“Bagi meningkatkan tahap keselamatan sedia ada, kamera

litar tertutup (CCTV) telah dipasang di Blok C manakala Blok J masih dalam proses.

“Pengecatan bangunan rumah

pangsa juga sedang dijalankan secara berperingkat bagi mengindahkan bangunan sedia ada,” ujar beliau.



SALAH seorang penderma yang menjayakan Kempen Derma Darah anjuran ADUN Seri Delima dan JKPK Island Glades di sini baru-baru ini.

Kempen derma darah capai sasaran

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

SERI DELIMA – Kempen Derma Darah anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Island Glades mendapat sambutan menggalakkan apabila program tersebut mencapai matlamatnya.

Menurut Pengurus JKPK Island Glades, V.K.S. Nithiyanthan, program dianjurkan

adalah yang pertama dianjurkan dan memperoleh kerjasama penuh daripada Hospital Besar Pulau Pinang (HBPP).

“Walaupun pertama kali dijalankan, ia mendapat sambutan amat menggalakkan.

“Malah, menurut Unit Tabung Darah HBPP, kuantiti darah yang diperlukan untuk program ini tercapai,” tambah Nithiyanthan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Nithiyanthan turut berterima kasih kepada para penduduk yang hadir menjayakan kempen tersebut.

Pesta Tanglung Batu Uban turut raikan warga emas

TRADISI... Bagi penghuni rumah orang-orang tua Jubilee Home Sungai Dua, tahun ini amat bermakna apabila Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, S. Raveentharan mengadakan sambutan Pesta Tanglung khas bersama mereka di sini baru-baru ini.

Sambutan yang turut dihadiri penduduk sekitar meriah apabila Raveentharan mengedarkan kira-kira 100 tanglung kepada kanak-kanak di sini.

“Terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dalam memeriahkan Pesta Tanglung Batu Uban buat tiga tahun berturut-turut.

“Terima kasih juga kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Eden Handicap Children*, Jubilee Perak dan sekolah Han Chiang yang banyak membantu dalam melancarkan program hari ini,” ucap Raveentharan di hadapan kira-kira 500 orang yang hadir.

Hadir sama, ADUN Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin.



SALAH seorang kanak-kanak yang turut serta dalam pengajuran Pesta Tanglung Batu Uban 2012 di sini baru-baru ini.

Rumah warga emas dibaiki

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

BALIK PULAU – Atas inisiatif khas Ahli Parlimen Balik Pulau, warga emas, Seha Sufaat, 85, kini tidak lagi hidup dalam kerisauan ekoran keadaan kediamannya yang terlalu usang sebelum ini di Kampung Sungai Burung di sini.

Prihatin dengan nasib Seha, Ahli Parlimen terbabit, Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff telah membantu mendirikan tembok dan dinding batu

bagi menggantikan kayu rumah yang telah reput.

Diwakili Pembantu Khasnya, Jaafar Masyar, beliau menyatakan bahawa kediaman tersebut disiapkan dalam tempoh kira-kira satu bulan.

“Nasib Seha mula memperoleh perhatian Y.B. (Mohd. Yusmadi) pada awal Ramadhan lalu.

“Y.B. (Mohd. Yusmadi) menggunakan peruntukan dan juga sumbangan peribadi untuk membantu Seha,” katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Mangsa ribut terima bantuan segera

TELUK BAHANG – Prihatin dengan nasib dua mangsa ribut di sini, Pusat Khidmat Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya dan Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras kawasan (PPK) tampil memberikan sumbangan baru-baru ini.

Selain menerima wang tunai, mangsa yang menetap di Kampung Bangsal Rawai di sini turut menerima bantuan barang keperluan dan hamper.

Mangsa-mangsa terbabit adalah Yahya Ahmad, 57, dan Muhammad Yusran Mustaffa, 37.

Turut hadir pada lawatan ke kediaman mangsa adalah Pegawai Jabatan Kebajikan

Masyarakat (JKM), Tham Weng Kiat dan Pengerusi JKPK Teluk Bahang, Mohd. Amin Nordin.

Speaker DUN, Datuk Abdul Halim Hussain berkata, beliau menerima laporan tersebut kira-kira jam 11.30 pagi sejurus selepas kejadian.



KEADAAN salah sebuah rumah.



ABDUL Halim Hussain (empat dari kiri) mendapatkan maklum balas mangsa kejadian ribut di Kampung Bangsal Rawai ketika hadir menyampaikan sumbangan di sini baru-baru ini.



JAAFAR Masyar (kanan) bergambar bersama-sama Seha Sufaat sempena lawatan khas beliau ke kediaman warga emas terbabit di Kampung Sungai Burung di sini baru-baru ini.



KEADAAN banjir kilat di Kampung Pasir Gebu dan Permatang Keriang di sini.

JPS teliti punca banjir kilat Penaga

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

PENAGA – Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah (JPS) bakal meneliti sistem peparitan di Kampung Pasir Gebu serta Permatang Keriang di sini yang merupakan kawasan penempatan baharu dan dipercayai sistem saliran air masih tidak sempurna sehingga menyebabkan kejadian banjir kilat baru-baru ini.

Lantaran itu, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK), Rosidi Hussain amat berterima kasih atas inisiatif pantas JPS tersebut.

“Ekoran kejadian hujan kebelakangan

ini, beberapa lokasi menuju ke Kuala Muda di sini dinaiki air terutama di kawasan-kawasan rendah dan difahamkan bahawa kejadian tersebut adalah ekoran sistem peparitan bawah tanah yang tersumbat.

“Atas tindakan pantas JPS dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat yang banyak membantu terutama ketika bencana melanda, saya ucapkan berbanyak terima kasih dan diharap masalah ini dapat diatasi pada kadar segera,” katanya di sini baru-baru ini.



Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat & Sihat



DAFTARLAH
SEKARANG!!!
di pejabat
**ADUN
ANDA!**

PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS . PROGRAM ANAK EMAS
PROGRAM RAKAN ANTI-KEMISKINAN . PROGRAM PELAJAR EMAS